

**TRANSCENDING TECHNOLOGY & INNOVATION
TOWARD DRIVING SUSTAINABLE GROWTH**

**MENJULANG TEKNOLOGI & INOVASI
KE ARAH MEMACU PERTUMBUHAN YANG MAMPAN**



laporan tahunan 2011 annual report

Kandungan

- 1 Penyata Pengerusi
- 2 Maklumat Korporat
- 3 Lembaga Pengarah
- 4 Kumpulan Pengurusan Tertinggi
- 5 Ulasan Korporat Ketua Pegawai Eksekutif
- 6 Sorotan Kewangan
- 7 Inisiatif Pembangunan Usahawan
- 8 Program Inovasi Inkubasi
- 9 Sorotan Peristiwa
- 10 Tanggungjawab Sosial Korporat
- 11 Media

TRANSCENDING TECHNOLOGY & INNOVATION TOWARD DRIVING SUSTAINABLE GROWTH

In TPM, we believe that managing costs efficiencies and operational excellence must be augmented by a sharp focus on building and driving engines for sustainable growth and innovation. In our continued analysis of the industry that have been driving sustainable growth and innovation over the long term, we learnt to focus on strategies around organic growth and accelerated innovation while building portfolios of compelling and differentiated offerings for well understood customer and market segments; building powerful innovation platforms supported by a rich pipeline of products and services; and building a more robust network of sources and partners who can deliver superior value across the extended enterprise.

MENJANGKAUI TEKNOLOGI & INOVASI KE ARAH PEMACUAN PERTUMBUHAN MAMPAN

Di TPM, kami percaya bahawa pengurusan kos yang berkesan dan operasi yang cemerlang harus ditingkatkan melalui tumpuan yang jelas dalam membina dan memacu jentera pertumbuhan dan inovasi yang mampan. Dalam analisis kami yang berterusan tentang industri yang memacu pertumbuhan dan inovasi mampan untuk suatu jangka masa panjang, kami belajar untuk memberikan tumpuan kepada strategi berkaitan pertumbuhan organik dan penambahan inovasi yang pesat di samping membina portfolio tawaran yang menarik dan berbeza untuk pelanggan dan segmen pasaran yang difahami dengan baik; membina platform inovasi yang sangat kuat yang disokong oleh rangkaian produk dan perkhidmatan yang banyak; serta membina jaringan sumber dan rakan kongsi yang lebih teguh yang boleh menyumbang nilai yang unggul merentasi sempadan syarikat.

VISION

TO BE A WORLD CLASS TECHNOLOGY PARK THAT DRIVES THE NATIONAL INNOVATION AND KNOWLEDGE-BASED ECONOMY FOR WEALTH CREATION AND SOCIETAL WELL-BEING.

MISSION

TO FACILITATE AND NURTURE KNOWLEDGE-BASED ENTERPRISES BY PROVIDING EXPERTISE, FACILITIES, EQUIPMENT AND SUPPORT SERVICES.

TO FACILITATE RESEARCH & DEVELOPMENT, INNOVATION AND COMMERCIALISATION ACTIVITIES BY PROVIDING ADVANCED INFRASTRUCTURE, EQUIPMENT AND FACILITIES.

TO PROMOTE AND STIMULATE AN INTELLECTUAL, CREATIVE AND INNOVATIVE COMMUNITY FOR THE DEVELOPMENT OF KNOWLEDGE BASED ECONOMY BY CREATING A CONDUCIVE TECHNOLOGY PARK ENVIRONMENT.

TO FACILITATE GOVERNMENT AND PRIVATE SECTOR SMART PARTNERSHIP IN TECHNOLOGY DEVELOPMENT AND COMMERCIALISATION OF RESEARCH RESULTS.

TO PROVIDE A PLATFORM FOR THE ESTABLISHMENT OF STRATEGIC BUSINESS AND TECHNOLOGY LINKAGES BETWEEN RESEARCH INSTITUTIONS, ACADEMIA, FINANCIAL COMMUNITY AND INDUSTRY, LOCAL AND GLOBAL.

VISI

MENJADI TAMAN TEKNOLOGI BERTARAF DUNIA, YANG MENDORONG INOVASI DAN EKONOMI NEGARA BERASASKAN PENGETAHUAN UNTUK MENJANA KEKAYAAN DAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT.

MISI

UNTUK MEMUDAHKAN DAN MEMUPUK PERNIAGAAN BERASASKAN PENGETAHUAN DENGAN MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN KEPAKARAN, KEMUDAHAN, PERALATAN DAN SOKONGAN.

UNTUK MEMBANTU DAN MEMUDAHKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, INOVASI DAN PENGKOMERSILAN DENGAN MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR CANGGIH, PERALATAN DAN KEMUDAHAN.

UNTUK MEMAJUKAN DAN MENGGALAKKAN MASYARAKAT YANG INTELEK, KREATIF DAN INOVATIF UNTUK PEMBANGUNAN EKONOMI BERASASKAN PENGETAHUAN DENGAN MEWUJUDKAN PERSEKITARAN TAMAN TEKNOLOGI YANG KONDUSIF.

UNTUK MEMUDAHKAN PERKONGSIAN PINTAR SEKTOR SWASTA DAN KERAJAAN DALAM PEMBANGUNAN TEKNOLOGI DAN PENGKOMERSILAN HASIL PENYELIDIKAN.

UNTUK MENYEDIAKAN PLATFORM BAGI PENUBUHAN PERNIAGAAN STRATEGIK DAN HUBUNGAN TEKNOLOGI ANTARA INSTITUSI PENYELIDIKAN, KOMUNITI AKADEMIA, KEWANGAN DAN INDUSTRI, TEMPATAN DAN GLOBAL.

TPM Pemacu Inovasi

“Kejayaan Anda Bermula Di Sini” adalah moto Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) yang telah diaplikasikan semenjak penubuhannya pada tahun 1996. Dengan termeterainya moto ini serta usaha-usaha yang dilakukan oleh TPM, pelbagai syarikat dan usahawan-teknokrat telah melangkah jauh dan berkembang sebagai syarikat global dan mencapai kejayaan yang membanggakan.

Lebih daripada 3,000 syarikat-syarikat yang berorientasikan teknologi telah mendapat manfaat daripada TPM – yang berstatus tempatan dan multi-nasional dalam pelbagai kluster industri. Kluster ICT telah mencatatkan penempatan tertinggi di TPM diikuti oleh Kejuruteraan, Biotek, Telekomunikasi dan Kandungan, dan Perkhidmatan Sokongan.

Melangkah ke hadapan, ‘roadmap’ telah dibangunkan untuk terus menggerakkan TPM ke masa depan sebagai Teknopolis bertaraf dunia yang menyediakan kemudahan ekosistem Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) yang maju dan menyeluruh. Pembangunan ekosistem ini akan menyediakan platform yang mampan dan teguh bagi lonjakan dalam sumbangan TPM kepada ekonomi negara berasaskan pengetahuan untuk kekayaan dan kesejahteraan masyarakat.

TPM akan meningkatkan peranannya sebagai penyedia infrastruktur maju dengan menyediakan perkhidmatan pakar dan sokongan pakar yang direka khas untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan. Proses dan inisiatif akan dibangunkan untuk terus memberi tenaga dan memupuk perusahaan berasaskan pengetahuan, memudahkan penyelidikan dan pembangunan, inovasi dan pengkomersilan serta menggalakkan dan memudahkan perkongsian pintar antara sektor awam dan swasta, dan menubuhkan hubungan perniagaan strategik dan teknologi di antara institusi penyelidikan, ahli akademik, komuniti kewangan dan industri dalam kedua-duanya bidang domestik dan antarabangsa.

Dengan tumpuan kepada objektif untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi inovasi, TPM akan melaksana strategi serampang lima yang melibatkan memaksima penggunaan aset tanah, meningkatkan pengkomersilan dan perkhidmatan sokongan, meningkatkan keberkesanan infrastruktur yang maju dan keupayaan rangkaian, meningkatkan program generasi keempat pembangunan usahawan teknokrat dan membangunkan polisi-polisi yang mesra untuk menjana percambahan bilangan syarikat-syarikat berasaskan teknologi yang mempunyai potensi global.

PARA PEMEGANG
KEPENTINGAN SYARIKAT

SEIRING DENGAN TUMPUAN DAN PERLAKSANAAN PROGRAM YANG KUKUH, KAMI DI TAMAN TEKNOLOGI MALAYSIA MEMBUKA LEMBARAN BARU DALAM EVOLUSI NASIONAL SEBAGAI TAMAN TEKNOLOGI PERDANA DI NEGARA INI. PRESTASI BERDAYA TAHAN TPM, WALAUPUN DALAM MENGHADAPI PELBAGAI CABARAN EKONOMI PADA TAHUN-TAHUN YANG LALU ADALAH BUKTI TERHADAP KUALITI MODEL PERNIAGAAN YANG TELAH DISERAP MASUK DAN DIGUNA PAKAI UNTUK TPM. SEBAGAI TAMAN TEKNOLOGI YANG TERULUNG DI MALAYSIA, TPM BERADA DI LANDASAN YANG KUKUH DALAM PERLAKSANAAN PERKHIDMATAN YANG SELARAS DENGAN MODEL OPERASI YANG SANGAT BERKESAN UNTUK MENGGERAKKAN KUMPULAN SYARIKAT DI KEDUDUKAN YANG TERKEMUKA DI PASARAN GLOBAL MENJELANG 2020 DAN SETERUSNYA.

YB Dato' Nasarudin Hashim
PENGERUSI
TECHNOLOGY PARK MALAYSIA
CORPORATION SDN BHD



RM116.4 juta
jumlah perolehan

PRESTASI KEWANGAN
KUMPULAN SYARIKAT

Fokus utama Taman Teknologi Malaysia ialah untuk sentiasa menjadi fasilitator dan menjadi elemen pemboleh laksana dalam pertumbuhan syarikat-syarikat berasaskan teknologi dan dalam menjana pekerja berpengetahuan teknologi untuk menyokong inovasi dan industri berasaskan teknologi di negara ini.

Antara tindakan yang diberi penekanan adalah menjajar TPM kepada mandat asalnya, menjajarkan strategi syarikat dengan strategi pembangunan negara, dan mewujudkan nilai ekonomi dan nilai kepada pemegang saham. Tindakan ini adalah bagi memastikan kesan secara langsung kepada peningkatan operasi dan prestasi kewangan dalam menyumbang secara langsung kepada Agenda Pembangunan Negara.

TPM mencatat kemajuan yang baik dalam memajukan program teknousahawan pada tahun 2011, walaupun terdapat ketidakpastian ekonomi dan kewangan yang mampan yang mempengaruhi pasaran global. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, Kumpulan telah mencatatkan jumlah hasil sebanyak RM 116.4 juta berbanding RM108.5 juta pada tahun kewangan sebelumnya, manakala keuntungan sebelum zakat RM12.17 juta berbanding RM 9.7 juta sebelumnya. Ini menghasilkan peningkatan keuntungan jumlah perolehan sebanyak 7.3% atau 25.47%.

RM12.17 juta
keuntungan sebelum cukai

Untuk tujuan ini, TPM telah menerajui pelbagai inisiatif bagi memastikan pembangunan rancangan perniagaan yang berasaskan model perniagaan berdaya tahan terhadap cabaran ekonomi. Ini telah menghasilkan penumbuhan stabil, selari dengan peningkatan dividen yang telah disumbangkan TPM kepada Kerajaan iaitu sebanyak RM6.7 juta pada tahun 2011.

Melangkah ke hadapan, pertumbuhan TPM sebahagian besarnya disumbangkan oleh keupayaannya untuk memastikan perkhidmatan unggul yang berterusan untuk memenuhi keperluan perusahaan kecil dan sederhana sekali gus memberi khidmat sebagai pembantu penggerak syarikat dalam membangunkan, dan memberi penyelesaian yang inovatif untuk membangunkan potensi kepada pertumbuhan syarikat tersebut.

RANCANGAN MALAYSIA KE - 10

TPM mengakui cabaran pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosio-ekonomi semasa pelaksanaan RMKe-9 menghadapi cabaran dari segi persekitaran global yang mencabar namun, usaha kerajaan untuk terus melaksanakan misi nasional dengan sokongan Model Ekonomi Baru sebagai rangka kerja bagi pembangunan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 terus diberi penghargaan.

Dalam RMKe-9, ekonomi Malaysia telah berkembang pada kadar 4.2 peratus setahun dan pendapatan negara kasar per kapita telah mencapai RM 26,420 atau USD 8,260 pada tahun 2010. Ini dicapai dalam persekitaran inflasi yang rendah manakala kadar pengangguran dijangka kekal pada 3.6 peratus pada tahun 2010. Defisit fiskal kerajaan persekutuan dijangka mengecil kepada 5.3 peratus tahun ini berbanding dengan 7 peratus daripada KDNK pada tahun 2009.

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) menempatkan aspirasi kedua-dua Program Transformasi Kerajaan dan Model Ekonomi Baru, berdasarkan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampunan. RMKe-10 telah dirangka dengan pelbagai pendekatan baru ke arah menjana ekonomi berpendapatan tinggi dan produktiviti yang tinggi, selaras dengan Model Ekonomi Baru dimana pendapatan negara kasar per kapita disasarkan meningkat kepada RM 38,850, atau USD 12,140, pada tahun 2015. Ini memerlukan pencapaian pertumbuhan KDNK sebanyak 6 peratus setahun. Pertumbuhan akan diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan, di samping menggiatkan semula sektor pertanian ke arah nilai yang lebih tinggi tambah serta penggunaan ICT, bioteknologi dan lain-lain teknologi yang berkaitan.

PERTUMBUHAN PRODUKTIVITI DAN INOVASI

Pertumbuhan ekonomi setakat ini telah didorong oleh faktor-faktor pengeluaran, terutamanya pelaburan tenaga dan buruh. Peralihan kepada pendapatan tinggi akan memerlukan pertumbuhan yang berasaskan produktiviti dan diiringi peralihan inovasi. Peralihan kepada pembangunan kemahiran, terutama dari segi meningkatkan kemahiran hubungan tenaga kerja sedia ada - korelasi dengan dengan misi TPM

dalam meningkatkan modal insan yang berkualiti sekali gus menyumbang secara langsung kepada agenda Malaysia.

MENYOKONG PERKONGSIAN PINTAR

Perkongsian pintar dan berkesan, terutamanya di antara sektor awam dan swasta, akan menjana satu mekanisme untuk memacu agenda transformasi ekonomi Negara - memangkin dan mempercepat pelaburan swasta yang strategik; bekerjasama untuk memajukan industri dan pembangunan ekonomi dan bekerjasama untuk menyokong penyampaian perkhidmatan awam dan pembangunan sosial.

Oleh itu,kerjasama antara perniagaan dan institusi pendidikan sedang diperjuangkan sebagai strategi yang kukuh untuk mencapai satu wawasan yang tidak mungkin berlaku apabila entiti bergerak secara persendirian. Pakatan strategik antara institusi pengajian tinggi dan TPM di Malaysia memanfaatkan kuasa sinergi usaha kerjasama di antara dua pihak ini.

Kerjasama ini bertujuan untuk membolehkan kedua-dua belah pihak maju dalam pendekatan akademik dan industri. Ia juga mengukuhkan hubungan dan pengkomersilan strategik yang menyokong penciptaan kekayaan negara dan meningkatkan kecemerlangan dalam membangunkan keupayaan modal insan yang selari dengan Agenda Pembangunan Kebangsaan.

Sehingga kini TPM telah bekerjasama dengan tujuh universiti tempatan yang mewakili pelbagai inisiatif dan kepakaran. Runding berterusan sedang dijalankan dengan universiti yang lebih terkenal dan terkemuka dalam pelbagai kapasiti untuk menjalinkan kerjasama strategik di masa hadapan.

TPM akan meningkatkan peranannya sebagai penyedia infrastruktur maju dengan menyediakan perkhidmatan pakar dan sokongan pakar yang diwujudkan khas untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan. Proses dan inisiatif ini akan dibangunkan untuk terus memberi tenaga dalam memupuk perusahaan berasaskan pengetahuan, memudahkan penyelidikan dan pembangunan, inovasi dan pengkomersilan, serta menggalakkan dan memudahkan perkongsian pintar antara sektor awam dan swasta, dan menubuhkan hubungan strategik perniagaan dan teknologi di antara institusi penyelidikan, ahli akademik, komuniti kewangan dan industri bagi arena domestik dan antarabangsa.

Sesungguhnya kami di TPM sentiasa peka dengan fasa kritikal dalam transformasi ekonomi negara ke arah Wawasan 2020. Malaysia boleh berjaya dan menjadi sebuah negara maju jika kita meletakkan hati kita dan fikiran kepadanya. Ia juga telah terkandung dalam RMKe-10 bahawa dengan semangat dan perlaksanaan yang konsisten, kita akan melihat Malaysia melalui masa-masa yang mencabar namun ia juga membolehkan negara menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi dan negara maju menjelang 2020.

Akhir sekali, saya ingin memberikan penghormatan khusus kepada semua rakan-rakan saya di seluruh Taman Teknologi Malaysia. Aspirasi mereka adalah aspirasi TPM. Terdapat satu perasaan yang kuat mendesak cita-cita di dalam TPM. Ia lebih ketara, selari dengan kemajuan pesat yang dicapai untuk meningkatkan kepuasan teknousahawan, di mana setiap perniagaan mencapai kemajuan yang ketara pada tahun ini. Penciptaan perkembangan dan penyelesaian pelbagai dan kelajuan di mana perniagaan berjaya menangani

keperluan teknousahawan baru mengesahkan bahawa inovasi juga teguh pada setiap anak-anak syarikat TPM. Komitmen rakan-rakan kita untuk perkhidmatan dan inovasi akan menjadi kunci untuk mencapai cita-cita TPM.

Momentum TPM setakat ini adalah baik walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, TPM tetap berdiri teguh sebagai entiti yang penuh dengan peluang. Lebih penting lagi, Lembaga Pengarah yakin bahawa TPM mempunyai kepimpinan dan tenaga kerja yang mahir untuk mengeksploitasi peluang-peluang ini sebaik mungkin bagi memenuhi keperluan pihak-pihak berkepentingan kami.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan saya kepada semua pemegang kepentingan kami atas sokongan dan komitmen untuk TPM menyampaikan madat yang telah dipertanggungjawabkan.

Sekian, Terima kasih.

YB Dato' Nasarudin Hashim
PENERUSI
TECHNOLOGY PARK MALAYSIA
CORPORATION SDN BHD

LEMBAGA PENGARAH

- 1 Dato' Nasarudin Hashim
PENGURUSI
- 2 Dato' Haji Mohd Azman Haji Shahidin
PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
- 3 Dato' Madinah Mohamad
- 4 Dato' Khalid Haji Ahmad
- 5 Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Wan Ahmad
- 6 Zeti Arzura Tajul Arif
- 7 Dato' Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad
PENGARAH GANTIAN

ALAMAT PERNIAGAAN UTAMA

Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd
Aras 5, Rumah Usahawan 4
Lebuhraya Puchong – Sg. Besi, Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur
Tel +603 8998 2020
Fak +603 8998 2110
Emel enquiry@tpm.com.my
Laman Web www.tpm.com.my

ALAMAT BERDAFTAR

Tingkat 2, No. 2-4, Jalan Manau
50460 Kuala Lumpur

JURUAUDIT LUAR

Tetuan Khairuddin Hasyudeen & Razi
Akauntan Berdaftar (AF 1161)
B-5-7 Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur


BANK

Maybank Berhad
(Technology Park Malaysia SSC Branch)
G-1&2, Tingkat Bawah
Bangunan Khidmat Sokongan
Technology Park Malaysia
Lebuhraya Puchong – Sg. Besi, Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur

SETIAUSAHA SYARIKAT

Soong Yoke Yin
(MAICSA 7020986)

Struktur Korporat



Syarikat - syarikat Teknologi di TPM

08

BIOTEKNOLOGI

ACGT Sdn Bhd
Aurigene Discovery Technologies Limited
Genenews Diagnostics Sdn Bhd
Magna Mission Sdn Bhd
Novozymes Malaysia Sdn Bhd
Pharma Bioscience (M) Sdn Bhd
Sartorius Stedim Malaysia Sdn Bhd
Stempeutics Research Malaysia Sdn Bhd

KEJURUTERAAN

Bridgestone Engineered Products of Asia Sdn Bhd
Complete Oilfield Stimulation Services Sdn Bhd
Comtech Synergy Sdn Bhd
Crest Marine Engineering Sdn Bhd
Fulle Technik Sdn Bhd
Hexosys Sdn Bhd
Istiqma Teknik Sdn Bhd
Kawalan Cecair Sdn Bhd
Libra Technology Network Sdn Bhd
Lotus Engineering Malaysia Sdn Bhd
MVE Technologies Sdn Bhd
Paxonic Sdn Bhd
Rockwell Automation (Malaysia) Sdn Bhd
RT Technology Sdn Bhd
Sahz Solutions (M) Sdn Bhd
Sapura Energy Sdn Bhd
Solution Engineering Sdn Bhd
Supreme Biotechnologies Sdn Bhd
Xair Pulsecor Sdn Bhd

TEKNOLOGI HIJAU

Algaetech Sdn Bhd
Thinking Green Sdn Bhd
Uni10 Energy Sdn Bhd

TEKNOLOGI KOMUNIKASI MAKLUMAT

1 Machine System Sdn Bhd
19 Creative Networks Sdn Bhd
A1 Niaga Sdn Bhd
ABS Multimedia Sdn Bhd
Accelteam Sdn Bhd
Acrodata Sdn Bhd
Adventa Berhad
Agile Matrix Solutions Sdn Bhd
AIG Software International JV Sdn Bhd
Alcatel-Lucent Malaysia Sdn Bhd
Amperscend Sdn Bhd
Animasia Studio Sdn Bhd
Asia Bureau Sdn Bhd
Asia Pacific Institute Information Technology (APIIT)
ATQ Multimedia Sdn Bhd
Awantek Sdn Bhd
Axon Solutions Sdn Bhd
Bernama Systems and Solutions Advisor Sdn Bhd
BizGlobe Technology Sdn Bhd
Bluesignage Sdn Bhd
Britesoft Solutions (M) Sdn Bhd
British American Tobacco GSD (KL) Sdn Bhd (BAT)
Byte Craft Sdn Bhd
CallTime Technology Sdn Bhd
Centium Software Sdn Bhd
Cgsoft (M) Sdn Bhd
Chartis Technology & Operation Management (M) Sdn Bhd (CTOM)

09

Comptel Communication Sdn Bhd
CORE Expert Systems Sdn Bhd
Creative Advance Technology Sdn Bhd
CSE Multimedia Technologies Sdn Bhd
CT Apps MSC Sdn Bhd
Cuscapi Solutions Sdn Bhd/
Adeptis Solution Sdn Bhd
Custommedia Sdn Bhd
Cyber Intelligence Sdn Bhd
Cysnet Softwares
DagangAsia Net Sdn Bhd
Datamation Technology (M) Sdn Bhd
Digital Five Sdn Bhd
DKSH Corporate Shared Centre Sdn Bhd
Docuflor (MSC) Sdn Bhd
Dynamic Multimedia Solution Sdn Bhd
EBSM Sdn Bhd
Ecava Sdn Bhd
Echo Broadband Sdn Bhd
E-Cop Surveillance Sdn Bhd
Edgecomms Sdn Bhd
E-mapping Solutions Sdn Bhd
E-Obituary Sdn Bhd
ePulze Sdn Bhd
ES&S MSC Sdn Bhd
E-Safe Systems Sdn Bhd
Esker Document Automation (M) Sdn Bhd
E-Trifecta Solution Sdn Bhd
Evolution Security Solutions Sdn Bhd
Excel Commerce Solutions Sdn Bhd
Fame Platform Sdn Bhd
Flex Data Technologies Sdn Bhd
Genting Information Knowledge Enterprise Sdn Bhd
GHL Systems Berhad
Global Odyssey Corporation Sdn Bhd
Globaltium Sdn Bhd
HK Comp Software Standards (M) Sdn Bhd

IBoy Sdn Bhd
ICT Interactive Sdn Bhd
IG Interactive Sdn Bhd
Inavigate Sdn Bhd
Integrated Global Solutions Technologies Sdn Bhd
Interbase Resources Sdn Bhd
InternetNow International Sdn Bhd
I-Power Berhad
IRIS Corporation Berhad
Iscistech Business Solutions Sdn Bhd
ITC Global Security Sdn Bhd
IVIS Group Sdn Bhd
Jasa Astana Sdn Bhd
KE Technology Sdn Bhd
Knowledge Spiral Sdn Bhd
Kola CGI Sdn Bhd
Lab Thinks Sdn Bhd
Laurelsoft Solution Sdn Bhd
Leanis Solution Sdn Bhd
Macromac Technology (Asia) Sdn Bhd
Malaysian Academy of Creative Technology Sdn Bhd
Malaysian Chemical Engineering Technologies (M) Sdn Bhd
Malaysian Technical Standards Forum Sdn Bhd (MTSFB)
Mastek MSC Sdn Bhd
MBI Library Group Sdn Bhd
MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd (ASTRO All Asia Networks) – Astro Capability
MIB Global Sdn Bhd
Micro Ocean Technologies Sdn Bhd
Microlink Solutions Berhad
Millennium System Design Sdn Bhd
Mixsig Logic Sdn Bhd
MMSC Systems Sdn Bhd
MNS Systems (MSC) Sdn Bhd
MobilityOne Sdn Bhd
Modern Outlook Sdn Bhd

Mr. Bugs Tan
MRI Network (M) Sdn Bhd
MYOB Asia Sdn Bhd
MyViv Sdn Bhd
NCB Techvision Sdn Bhd
Net Solutions Sdn Bhd
Networkers & Associates Sdn Bhd
Nexustel Sdn Bhd
Nfort MSC Sdn Bhd
Omniphics Sdn Bhd
Paladion Network (M) Sdn Bhd
Paperless Homework Sdn Bhd
Patimas Computers Sdn Bhd
Perak Entrepreneur And Human Resources Development Agency
Pilot Multimedia (M) Sdn Bhd
Poly Assets United (M) Sdn Bhd
PQuest MSC Sdn Bhd
Pro E-Knowledge Sdn Bhd
ProdigyNet Solutions Sdn Bhd
Profdoc Sdn Bhd/
Compugroup Medical Malaysia
Qinetics Solution Berhad
Run Up Game Distribution & Development Sdn Bhd
Runge Malaysia Sdn Bhd
Saffron Info Systems Sdn Bhd
Sage Interactive MSC Sdn Bhd
Scope International (M) Sdn Bhd
Secure Metric Technology Sdn Bhd
SeeSharp Solutions Sdn Bhd
Senstech Sdn Bhd
Signature Technologies Sdn Bhd
Softnet Technologies Sdn Bhd
Software International Corporation (M) Sdn Bhd
STL Computing MSC Sdn Bhd
Synamatix Sdn Bhd
Synergy Log-In Systems Sdn Bhd
System Advisory Innovators Sdn Bhd

System Solutions & Development Technologies Sdn Bhd
Systemic Solutions Sdn Bhd
Talian Gerak Alih Sdn Bhd
Tec-Centric Solutions Sdn Bhd
TechBase Solution Sdn Bhd
Three S HSE Sdn Bhd
Tieto Sdn Bhd
Timurwest Consultant Sdn Bhd
Trax Business Solutions Sdn Bhd
Trideas Solution Sdn Bhd
Unik Edu Solution Sdn Bhd
Universe Digital Library Sdn Bhd
Universiti Teknologi Petronas
Verion Research Sdn Bhd
Vista Solution Sdn Bhd
Visual System Integrators MSC Sdn Bhd
Wangco Engineering Sdn Bhd
Wilayah Digital Sdn Bhd
Xlead Sdn Bhd
Xynapse Asia Sdn Bhd
Y Us Sdn Bhd
Zayle Sdn Bhd
ZPMC Techcon Resources (M) Sdn Bhd

KHIDMAT SOKONGAN

Business Continuty Solution Sdn Bhd
MAD Incubator Sdn Bhd
Malayan Banking Berhad
Nuethnic Asia Enterprise
Yayasan Inovasi Malaysia

Pernyataan Pentadbiran Korporat

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH TPM ADALAH KOMITED UNTUK MENGEKALKAN DAN MEMASTIKAN PIAWAIAN PENTADBIRAN YANG TINGGI DI TPM.

LEMBAGA PENGARAH

Syarikat ini diketuai oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah TPM yang memimpin dan mentadbir syarikat. Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk pentadbiran keseluruhan syarikat dan merupakan badan utama untuk mendraf, dan seterusnya menentukan polisi-polisi dan hala tuju syarikat untuk mencapai matlamat-matlamat strategiknya.

KOMPOSISI LEMBAGA

Pihak Lembaga Pengarah terdiri daripada enam (6) ahli. Penetapan ahli-ahli ke dalam Lembaga Pengarah ditentukan oleh Kementerian Kewangan (MOF) di mana ahli-ahlinya diwakili dari sektor awam iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Malaysia (MOSTI) dan Kementerian Kewangan, dan juga dari pelbagai sektor swasta.

Komposisi sedia ada Lembaga Pengarah telah menunjukkan bahawa ahli-ahli yang dipilih mempunyai pengalaman luas dalam perkhidmatan awam, operasi perniagaan, kewangan dan hal-hal perundangan. Pengalaman, pengetahuan dan kepakaran mereka telah dibina melalui penglibatan berterusan dalam bidang-bidang professional mereka.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk pengurusan keseluruhan syarikat. Lembaga Pengarah juga turut terlibat sepenuhnya dalam perancangan strategik, menilai prestasi operasi TPM, mengkoordinasi audit dalaman dan memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang dan peraturan untuk pihak syarikat.

Fungsi-fungsi khas Lembaga Pengarah termasuk tanggungjawab berikut:

- Untuk memperhalusi, memandu dan menerima pakai pelan-pelan strategik untuk TPM dengan mengambilkira penghuraian secara penuh polisi-polisi dan prosedur-prosedur operasi, belanjawan tahunan dan perancangan pengurusan jangka panjang yang dicadangkan oleh pihak Pengurusan TPM.
- Untuk memastikan dan menilai keampuhan sistem kewangan syarikat, audit dan pentadbiran dalaman mengikut piawaian, undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah dirancang dan diedarkan terlebih dahulu dengan butir-butir terperinci agenda mesyuarat, lokasi dan masanya. Ini membolehkan ahli-ahli lembaga untuk merancang jadual mereka dengan teratur untuk memastikan kedatangan penuh di mesyuarat.

Dalam tahun yang dilaporkan, Lembaga Pengarah mempunyai empat (4) mesyuarat biasa tidak termasuk Mesyuarat Agung Tahunan. Perbincangan meliputi isu-isu berkaitan dengan integriti, perancangan program, aktiviti-aktiviti, di samping hal-hal operasi dan pentadbiran TPM.

BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA DAN KEHADIRAN LEMBAGA PENGARAH

Berikut adalah bilangan mesyuarat yang telah diadakan sepanjang tahun 2011 dan satu rekod kedatangan ahli-ahli lembaga semasa mesyuarat berlangsung:

Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd

Mesyuarat Lembaga Pengarah	Tarikh
ke - 57	27 April 2011
ke - 58	20 Julai 2011
ke - 59	18 Oktober 2011
ke - 60	22 Disember 2011

Kedatangan Nama	Mesyuarat Kali Ke			
	57	58	59	60
Dato' Nasarudin bin Hashim	•	•	•	•
Dato' Hj. Mohd Azman bin Hj Shahidin	•	•	•	•
Dato' Khalid bin Hj. Ahmad	•	•	•	•
Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad	-	•	•	-
Dato' Madinah binti Mohamad	-	•	•	-
Zeti Arzura binti Tajul Ariff	•	•	•	-

Dato' Nasarudin Hashim

PENGERUSI



Dato' Nasarudin Hashim telah dilantik sebagai Pengerusi TPM pada 1 April 2009. Beliau adalah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian dari Universiti Malaya dan Sijil Perancangan Bandar & Wilayah dari United Kingdom. Setelah menamatkan pengajian di Universiti Malaya pada tahun 1973, beliau berkhidmat sebagai pegawai tadbir dan diplomatik selaku Penolong Setiausaha di Kementerian Luar Negeri. Beliau telah memegang pelbagai jawatan sepanjang 23 tahun perkhidmatannya dalam pentadbiran Kerajaan termasuk di Kementerian Pusat, Pentadbiran Negeri, Pentadbiran Wilayah dan Kerajaan Tempatan. Beliau juga pernah menyandang jawatan Pegawai Daerah di Negeri Selangor dan Pahang, Ketua Penolong Setiausaha di Kementerian Perusahaan Utama dan Pejabat Sekretariat Selangor, Timbalan pengarah di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Pahang dan Timbalan YDP Majlis Perbandaran Melaka. Setelah pesaraannya dari perkhidmatan awam pada tahun 1995, beliau telah menceburi bidang perniagaan logistik pengangkutan dan pembangunan hartanah. Antara jawatan beliau dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan termasuklah sebagai Pengerusi Felcra Berhad dari 2006 hingga 2008 dan Penasihat Eksekutif Perak Corporation Berhad sejak tahun 2009.

Dato' Haji Mohd Azman Haji Shahidin
PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Dato' Haji Mohd Azman Haji Shahidin telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah TPM sejak 1 November 2006 berikutan perantikan beliau untuk memegang tampuk pimpinan TPM sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Awam dari Universiti Glasgow, United Kingdom pada tahun 1984. Sebelum menyertai TPM, beliau pernah menyandang dan mengurus pelbagai portfolio utama dalam beberapa konglomerat terkemuka seperti MMC Corporation Berhad, Sunway Group Berhad dan Messrs. Syed Muhammad, Hooi dan Binnie Sdn Bhd (Firma Jurutera Perunding). Beliau merupakan Pengarah TPM dan Pengerusi bagi semua subsidiari TPM. Beliau juga merupakan Pengarah Bukan Eksekutif bebas dan Pengerusi bagi Jawatankuasa Audit Solution Engineering Holdings Berhad, sebuah syarikat awam yang tersenarai di Bursa Malaysia. Beliau juga adalah ahli Lembaga Jurutera Malaysia, Institut Kejuruteraan Malaysia dan Persatuan Inkubasi Perniagaan Nasional (NBIA). Kemahiran pengurusan perniagaan dan profesional beliau diperkukuhkan lagi setelah menyertai Program Pengurusan Perniagaan Perdana yang dianjurkan oleh Harvard Business School. Sebagai testimoni kecemerlangan kepimpinannya, beliau telah dilantik oleh Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil Komuniti Industri dan Komersil Bumiputera (BCIC) untuk Bioteknologi Instrumental & Toolbox. Berbekalkan pengalaman bekerja selama 25 tahun mengendalikan, antara lain, pelbagai projek bernilai jutaan ringgit dalam pembangunan infrastruktur bandar, pembangunan hartanah, pengurusan teknologi, program-program pembangunan vendor dan projek-projek berkaitan industri minyak dan gas, Dato' Haji Mohd. Azman Haji Shahidin telah menguasai kemahiran teknikal yang kuat, kepintaran perniagaan dan komersial dan telah membuktikan sebagai pemacu utama kejayaan pembangunan TPM.

Dato' Madinah Mohamad



Dato' Madinah Mohamad telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah TPM sejak 1 Julai 2009. Beliau menamatkan pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Sains Politik dari Universiti Sains Malaysia dan turut memegang Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia dari Universiti Putra Malaysia. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Malaysia (MOSTI) pada 22 April 2009. Sebagai Ketua Setiausaha MOSTI, beliau bertanggungjawab merangka dasar-dasar baru untuk membangunkan sains, teknologi dan inovasi di Malaysia. Beliau turut menggalas tanggungjawab memastikan pelaksanaan dan perkembangan dasar-dasar berkaitan yang diperakui oleh kerajaan meliputi Bioteknologi, IT dan Sains dan Teknologi Negara. Sebelum menyandang jawatan terkini, beliau telah memperolehi pengalaman bekerja di beberapa agensi Kerajaan termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pembangunan Nasional dan Luar Bandar, Kementerian Kerja Raya, dan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional. Beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Pentadbiran dan Diplomatik pada tahun 1981 dengan Kementerian Luar Negeri.

Dato' Khalid Haji Ahmad



Dato' Khalid Haji Ahmad telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah TPM sejak 22 November 1996. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan penting dalam beberapa syarikat terkemuka termasuk sebagai Pengerusi Eksekutif Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) pada tahun 1996, Pengarah Urusan Sistem Televisyen Malaysia dari 1992 hingga 1995, Pengarah Urusan News Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) dari 1991 sehingga 1992 dan Pengurus Besar Kumpulan kanan bagi Pengeluaran dan Penedaran, NSTP dari 1990 sehingga 1991. Sebelum menyertai NSTP, beliau berkhidmat sebagai akauntan dengan Turquand Youngs, Azman Wong Salleh & Co, sebuah firma perakaunan awam. Beliau juga pernah berkhidmat dengan pelbagai lembaga lantikan Kerajaan seperti panel penasihat Majlis Perpaduan Negara, Ahli Lembaga Yayasan Laporan Kewangan dan Pengarah Perbadanan Pembangunan Multimedia. Beliau juga merupakan bekas pensyarah bersekutu di Universiti Sains Malaysia dalam pengajian media dan ahli panel penasihat Universiti Putra Malaysia. Beliau pernah menjadi ahli Majlis Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan seorang ahli felo Association of Chartered Accountants UK dan Ahli Majlis ACCA Worldwide.

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-Il Anuar Wan Ahmad



Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah TPM sejak 1 April 2009. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian dalam Jurusan Seni Bina (1983) dan satu Ijazah Sarjana Seni Bina (1986) dari Kingston University di London. Beliau merupakan rakan kongsi prinsipal W&W Architects dan merupakan ahli beberapa persatuan profesional termasuk PAM (Persatuan Arkitek Malaysia), RIBA (Royal Institute British Architects) dan MIID (Institut Rekaan Dalaman Malaysia). Beliau mempunyai 19 tahun pengalaman dalam pengamalan seni bina, pengurusan projek, pembinaan dan pembangunan hartanah. Beliau telah berkhidmat kepada masyarakat sebagai Ahli Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dari 1999 sehingga 2001 dan pernah berperanan sebagai ahli Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan dari 2000 sehingga 2002. Beliau juga merupakan anggota Lembaga Pembangunan Pekebun Kecil Industri Getah (RISDA) sejak 2005.

Zeti Arzura Tajul Ariff



Zeti Arzura Tajul Ariff telah dilantik sebagai ahli Pengarah Lembaga TPM sejak 6 Oktober 2009. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dengan Kepujian dari Universiti Utara Malaysia (1999). Beliau adalah Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pelaburan, MKD dan Penswastaaan di Kementerian Kewangan (2007 hingga kini). Sebelum perantaraan beliau sebagai Ketua Penolong Setiausaha, beliau merupakan Penolong Setiausaha, Pelaburan, MKD dan Penswastaaan di Kementerian Kewangan dari 2006 hingga 2007 dan sebelum itu sebagai Penolong Setiausaha, Penyelarasan, Penswastaaan dan Perniagaan Awam di Kementerian Kewangan dari 2003 hingga 2006. Beliau juga menganggotai lembaga Professional Services Development Corporation Sdn Bhd.

Soong Yoke Yin



Soong Yoke Yin adalah Setiausaha Syarikat TPM. Beliau merupakan Ahli Felo Institut Setiausaha dan Pentadbir Bertauliah Malaysia (MAICSA). Soong Yoke Yin memulakan amalan kesetiausahaan beliau sendiri pada tahun 1990 dan kini merupakan Pengarah Urusan Ikhtisas Associates Sdn. Bhd. Pada masa ini beliau turut menyandang jawatan Naib Presiden Kewangan, Persatuan Usahawan Wanita Nasional Malaysia (NAWEM).



- 1 Dato' Hj. Mohd Azman Hj. Shahidin
PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
- 2 Sharbani Harun
NAIB PRESIDEN, KEWANGAN KORPORAT DAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN
- 3 Ahmad Husni Johari
NAIB PRESIDEN, PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN KORPORAT
- 4 Shaliza Sabtu
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, TPM COLLEGE SDN BHD
- 5 Aggus Salim Halmeem Haidar
PENGURUS BESAR, TPM ENGINEERING SDN BHD
- 6 Aminuddin Ahmad
PENGURUS KANAN, TPM IT SND BHD
- 7 Fadzhairi Abd Jabar
KETUA, TPM BIOTECH SDN BHD

Dato' Hj. Mohd Azman Hj. Shahidin

PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Dato' Haji Mohd. Azman Haji Shahidin menyertai TPM pada tahun 1997 dan telah memegang tampuk kepimpinan TPM sebagai Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif sejak November 2006. Beliau telah menamatkan pengajian dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Awam dari Glasgow University, United Kingdom pada tahun 1984. Sebelum menyertai TPM, beliau telah memegang dan menguruskan pelbagai portfolio dalam konglomerat terkemuka seperti MMC Corporation Berhad, Sunway Group Berhad dan Tetuan Syed Muhammad, Hooi dan Binnie Sdn Bhd (Firma Jurutera Perunding). Dato' Haji Mohd. Azman merupakan Pengarah TPM dan Pengerusi bagi semua subsidiari TPM. Beliau juga merupakan seorang Pengarah Bukan Eksekutif bebas dan Pengerusi bagi Ahli Jawatankuasa Audit Solution Engineering Holdings Berhad, sebuah syarikat awam yang tersenarai di Bursa Saham. Beliau juga adalah ahli Lembaga Kejuruteraan Malaysia, Institut Kejuruteraan Malaysia dan Persatuan Inkubasi Perniagaan Nasional (NBIA). Kemahiran pengurusan perniagaan dan profesional beliau diperluaskan lagi setelah menghadiri Program Pengurusan Perniagaan Perdana yang dianjurkan oleh Harvard Business School. Sebagai testimoni kecemerlangan kepimpinan Dato' Haji Mohd. Azman, beliau dilantik oleh Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri sebagai Pengerusi bagi Ahli Jawatankuasa Kecil Komuniti Industri dan

Komersil Bumiputera (BCIC) untuk Bioteknologi Instruments and Toolbox. Di bawah kepimpinan beliau, TPM menjadi ahli di dalam pelbagai persatuan dan badan inkubator tempatan dan luar negara seperti Persatuan Taman Sains Asia (AABI), Persatuan Rangkaian Inkubator Nasional (NINA), Rangkaian Inkubasi Asia Pasifik (APIN) dan Persatuan Taman Penyelidikan Universiti (AURP). Berbekalkan pengalaman bekerja selama 25 tahun mengendalikan, antara lain, pelbagai projek bernilai jutaan ringgit dalam pembangunan infrastruktur bandar, pembangunan hartanah, pengurusan teknologi, program-program pembangunan vendor dan projek-projek berkaitan industri minyak dan gas, Dato' Haji Mohd. Azman Haji Shahidin telah menguasai kemahiran teknikal yang kuat, kepintaran perniagaan dan komersial dan telah membuktikan sebagai pemacu utama kejayaan pembangunan TPM.

Sharbani Harun

NAIB PRESIDEN, KEWANGAN KORPORAT DAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN

Sharbani Harun merupakan Naib Presiden, Kewangan Korporat dan Perkhidmatan Pengurusan. Beliau menyertai TPM pada bulan Julai 2006. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam jurusan Pengurusan Modal Teroka dari Universiti Teknologi Malaysia. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah dan ahli Institut Akauntan Malaysia dan Certified Practicing Accountant (CPA) Australia. Beliau telah menghadiri Program Pengurusan Perniagaan Perdana Harvard di mana beliau telah menimba kemahiran perniagaan dan pengurusan korporat profesional. Beliau mempunyai pengalaman kerja yang luas selama lebih 20 tahun dalam operasi kewangan dan pengurusan korporat di pelbagai konglomerat seperti MbF Finance Berhad, Cellular Communications Network (M) Sdn Bhd (CELCOM), dan PUSPAKOM Sdn Bhd, sebuah anak syarikat DRB-HICOM Berhad.

Ahmad Husni Johari

NAIB PRESIDEN, PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN KORPORAT

Ahmad Husni Johari merupakan Naib Presiden, Pembangunan Perniagaan dan Perkhidmatan Korporat. Beliau menerima Ijazah Sarjana Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Kimia dari University of Nevada, Amerika Syarikat (AS) dalam tahun 1985, Diploma Lulusan Ijazah dalam jurusan Perkilangan dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Bath, United Kingdom dalam tahun 1994. Beliau menyertai TPM sebagai Pengurus Besar pada Februari 2006 dan kemudian dinaikkan ke jawatan Ketua Pegawai Operasi TPM Biotech Sdn Bhd. Beliau memiliki pengalaman bekerja di beberapa syarikat multinasional dan konglomerat tempatan. Ahmad Husni memulakan kerjaya sebagai Jurutera Perindustrian di Bard Sdn Bhd, sebuah syarikat dari AS dan kemudian sebagai Jurutera Projek/Jemputan di Bahagian Perkilangan, Golden Hope Plantation Berhad dan Pengurus Kanan Pembangunan Perniagaan serta Pengurus Negara di Jakarta, Indonesia untuk Intria Berhad. Dengan 25 tahun pengalaman bekerja, beliau telah menguasai kemahiran perniagaan yang mantap dengan rangkaian perniagaan yang luas, baik di peringkat empatan mahupun antarabangsa.

Shaliza SabtuKETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
TPM COLLEGE SDN BHD

Shaliza Sabtu merupakan Ketua Pegawai Eksekutif TPM College. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Elektronik dari Saitama University, Jepun pada tahun 1989 dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Keusahawanan dari University of Bath, United Kingdom pada 1996. Beliau memulakan kariernya sebagai Jurutera Pengeluaran dengan Sankyo Seiki (M) Sdn Bhd dalam tahun 1989 sebelum menyertai Permodalan Nasional Berhad sebagai Penganalisis Pelaburan pada 1991. Seterusnya pada tahun 1997, beliau menyertai TPM sebagai Pengurus Modal Teroka dan semenjak itu telah menyandang pelbagai jawatan di TPM dan jawatan terkini beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif TPM College. Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif TPM College dengan lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam operasi korporat, Shaliza telah memainkan peranan penting sebagai peneraju dalam memperkukuhkan dan membina landasan yang teguh agar TPM College membangun dengan baik dalam pembangunan modal insan dan kecemerlangan pendidikan.

Aggus Salim Halmee HaidarPENGURUS BESAR,
TPM ENGINEERING SDN BHD

Aggus Salim Halmee Haidar menerajui TPM Engineering sebagai Pengurus Besar. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Mekanikal dari Hanyang University, Seoul dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Utara Malaysia. Sebelum menyertai TPM di awal tahun 2009, beliau telah memberi khidmat kepada pelbagai perbadanan seperti Lembaga Letrik Negara, Felda Angkut Corporation, MISC Haulage Services Sdn Bhd dan PUSPAKOM Sdn Bhd. Semasa berkhidmat di PUSPAKOM Sdn Bhd, beliau bertanggungjawab terhadap operasi dan pengurusan pusat pemeriksaan kenderaan PUSPAKOM di seluruh negara. Pada 2007, beliau telah dipindahkan ke DRB-HICOM Bhd sebagai Pengurus Besar di Pejabat Ketua Pegawai Operasi Kumpulan dan kemudian dipinjamkan ke KL Airport Services Sdn Bhd sebagai Ketua Pegawai Operasi dari Oktober 2007 sehingga Februari 2009.

Aminuddin AhmadPENGURUS KANAN,
TPM IT SDN BHD

Aminuddin Ahmad menerajui TPM IT Sdn Bhd sebagai Pengurus Kanan. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan dari University of Wisconsin di Milwaukee, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari UITM Shah Alam. Karier beliau bermula di Pernec Corporation sebelum melangkah ke beberapa syarikat seperti TeamVantage Sdn Bhd, Solution Protocol Sdn Bhd dan KPMG Consultancy sebelum menyertai TPM dalam tahun 2007. Beliau bertanggungjawab terhadap operasi dan pengurusan harian TPM IT, antara lain, untuk rekabentuk, pentauliahan, operasi, penyelenggaraan dan pengurusan keseluruhan infrastruktur ICT TPM serta menyediakan pelbagai perkhidmatan ICT kepada pelanggannya.

Fadzhairi Abdul JabarKETUA,
TPM BIOTECH SDN BHD

Fadzhairi Abd Jabar menerajui TPM Biotech Sdn Bhd sebagai Ketua. Beliau adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan pengkhususan dalam Kewangan dari Creighton University, AS. Beliau memulakan kerjaya pada 1994 sebagai Pegawai Perbankan Korporat dan Komersial di Maybank sebelum menyertai sebuah syarikat pembangunan hartanah pada 1997 sebagai Pengurus Pembangunan Perniagaan. Pada tahun 1998, beliau telah menyertai sebuah syarikat telekomunikasi dan teknologi maklumat sebagai Pengarah Eksekutif dan seterusnya dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi. Sebelum menyertai TPM, beliau telah berkhidmat selama 5 tahun dengan sebuah syarikat bioteknologi dalam sektor tenaga diperbaharui. Pengalaman beliau, antara lain, dalam operasi syarikat, pembangunan perniagaan, kewangan dan perancangan korporat telah membantu beliau dalam pengurusan dan operasi harian di Pusat Pembangunan Bioteknologi TPM Biotech di TPM Bukit Jalil dan Pusat Biotek Herba di Raub, Pahang.

'Salam Sejahtera' and 'Salam 1Malaysia.'

SAYA SUNGGUH BERBESAR HATI MEMBENTANGKAN TINJAUAN
PENCAPAIAN TECHNOLOGY PARK MALAYSIA PADA 2011 YANG
MENUNJUKKAN KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN TAMAN TEKNOLOGI
PERINTIS DAN TERULUNG MALAYSIA.

Apabila melihat pertumbuhan selama sedekad sejak penubuhan kami, saya sangat berbangga atas apa yang telah dicapai, dan lebih teruja lagi dengan gambaran masa hadapan yang meyakinkan. TPM berubah daripada generasi pertama menjadi generasi keempat pusat inkubasi usahawan teknologi, di samping memperoleh keyakinan dan kepercayaan daripada usahawan teknologi dan orang awam. Kami merasa puas yang kami dapat membantu pelanggan kami membina pelan tindakan strategik mereka yang membolehkan mereka menghubungkan dan mengendalikan aspek-aspek penting perniagaan dengan lebih efisien dan menjimatkan. Tahap kejayaan usahawan teknologi menjadi tanda aras prestasi kami dan mengikut pengukuran standard kualiti yang tinggi oleh mereka – serta oleh pemegang kepentingan kami sendiri.

Kewujudan kami membolehkan usahawan teknologi menyumbang dengan ketara kepada ekonomi selama ini, iaitu sebanyak 1.2% kepada KDNK negara. Kami telah membantu lebih daripada 3,000 buah syarikat teknologi yang telah mendapat manfaat daripada kewujudan TPM. Sesetengah syarikat ini, yang berpejabat di TPM juga berjaya mendapat perolehan berjumlah RM6.45 bilion pada tahun 2011 sahaja.

Ini menunjukkan perkongsian nilai yang telah kami bina dan apa yang menyatukan pemegang kepentingan. Ia juga memacu TPM ke hadapan dan dapat menghasilkan prestasi cemerlang daripada segi tujuan dan nilai ekonominya yang menyumbang kepada agenda kebangsaan. Kami

kekal fokus dalam memberi ganjaran kewangan yang stabil dan kukuh serta pulangan kepada pemegang kepentingan dan negara. Kami terus memberi pulangan mantap kepada pemegang saham kami dari tahun ke tahun di samping melaksanakan obligasi sosial yang teguh.

Dalam pasaran yang terus menerus berubah, usahawan teknologi kami kini lebih mengetahui tentang pilihan pembekal penyelesaian mereka. Malah, mereka memilih TPM kerana pengalaman, komitmen kepada kualiti dan komuniti serta integriti kami.

Keunggulan itu penting dan teknologi yang berkembang pantas yang membuka potensi untuk penambahbaikan itu sungguh besar. Kami telah mempertingkatkan pelaksanaan kami dan fokus sepenuhnya untuk membawa perubahan kepada TPM.

TPM kini adalah sebuah organisasi besar, tetapi kami akan dapat mencapai lebih banyak dan dapat melaksanakannya dengan lebih cepat sekiranya kami mengambil pendekatan dengan penuh semangat untuk memulakannya. Di TPM, ia bukan perihal menepati sasaran tetapi untuk mencipta tahap baharu. Sejak beberapa tahun lalu, kami mula melaksanakan pengurusan fleksibel yang memberi kuasa kepada perniagaan teras untuk mempertingkatkan tanggungjawab dan kebertanggungjawaban di seluruh TPM. TPM mempunyai banyak peluang, di mana sekiranya keputusan yang salah diambil, kami tidak akan mendapat hasil yang diinginkan.

RM6.45 bilion
penjanaan GNI

Kami terus memberi
pulangan mantap kepada
pemegang saham kami dari
tahun ke tahun di samping
melaksanakan obligasi sosial
yang teguh

YBhg Dato' Hj. Mohd Azman Hj. Shahidin
PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF





Memandangkan kami berada dalam bidang teknologi tinggi – R&D dan inovasi, kami sentiasa menekankan kualiti yang konsisten, kebolehpercayaan terhadap penyelesaian kami dan peningkatan dalam bidang teknikal oleh TPM. Kami telah membuat pelaburan besar dari tahun ke tahun atas faktor-faktor perniagaan ini supaya kami sentiasa peka terhadap keperluan pelanggan kami. Sebagai sebuah organisasi yang fokus pada teknologi, kami berusaha untuk membina dan mengekalkan perhubungan kerja yang rapat dan mesra dengan pasaran. Kami menganggap setiap usahawan teknologi kami itu sebagai faktor penting kemajuan kami hari ini dan masa depan. Kami berusaha untuk meningkatkan operasi kami dengan melaksanakan amalan terbaik dan menggunakan ICT terkini untuk membantu mengurangkan kos perniagaan kepada pasaran apabila mereka bekerjasama dengan kami sebagai rakan kongsi strategik. Pasukan tenaga insan kami juga banyak menyumbang kepada perkembangan kami selama ini. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap syarikat teknologi yang berjaya seperti kami memerlukan pasukan yang berpengalaman, berpengetahuan dan berkemahiran untuk terus membantu TPM mengekal & membangunkan kelebihan peneraju teknologinya. Kami percaya bahawa polisi pengurusan yang memfokus kepada aspek insaniah akan terus memacu pasukan kakitangan kami untuk membantu pelanggan dalam semua perkara yang penting bagi mereka.

Dalam bergerak ke hadapan, setiap pelanggan dan rakan kongsi TPM dijamin akan mendapat perkhidmatan terbaik dan kualiti produk yang sememangnya terangkum dalam jaminan jenama kami.

LAPORAN KEWANGAN

TPM Corporation Sdn Bhd – Kumpulan

TPM Corporation Sdn Bhd – Kumpulan melaporkan jumlah perolehan sebanyak RM116 juta berbanding RM108 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 7.3%. Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM12.2 juta berbanding RM9.7 juta pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan keuntungan sebanyak RM2.5 juta or 25.47%.

TPM Corporation Sdn Bhd

TPM Corporation Sdn Bhd mencatatkan jumlah perolehan sebanyak RM91.4 juta berbanding RM94.8 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 3.65%. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM10.5 juta berbanding RM10.4 juta pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan keuntungan sebanyak RM0.04 juta atau 0.43%

TPM Engineering Sdn Bhd

TPM Engineering Sdn Bhd mencatatkan jumlah perolehan sebanyak RM5.04 juta berbanding RM7.8 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 35.58%. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM0.67 juta berbanding RM0.65 juta pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan keuntungan sebanyak RM0.02 juta atau 2.45%.

TPM IT Sdn Bhd

TPM IT Sdn Bhd mencatatkan jumlah perolehan sebanyak RM13.9 juta berbanding RM2.2 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 511.8%. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai

sebanyak RM0.57 juta berbanding RM0.65 juta pada tahun sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak RM0.08 juta atau 11.9%.

TPM Biotech Sdn Bhd

TPM Biotech Sdn Bhd mencatatkan jumlah perolehan sebanyak RM5.1 juta berbanding RM4.9 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 2.46%. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM0.1 juta berbanding RM0.05 juta pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan keuntungan sebanyak RM0.05 juta atau 90.57%.



TPM College Sdn Bhd

TPM College Sdn Bhd mencatatkan jumlah perolehan sebanyak RM6.5 juta berbanding RM6.1 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 6.33%. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM0.15 juta berbanding RM0.10 juta pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan keuntungan sebanyak RM0.05 juta atau 46.46%.





SOROTAN PRESTASI

Ruang inkubator dan perniagaan terus menikmati kadar penyewaan yang tinggi. Jumlah penyewa pada tahun 2011 adalah sebanyak 192 berbanding 177 pada tahun sebelumnya. Jumlah inkubator meningkat sebanyak 7.8% berbanding tahun terdahulu. Pusat inkubator invasi yang baru ditubuhkan, IIC, turut menarik minat untuk disewa oleh syarikat-syarikat baru iaitu meningkat daripada 143 kepada 153.


Bilangan Penyewa 2004 – 2011



30 — Pertumbuhan (2004 – 2011):
Bil. Syarikat Teknologi mengikut Kluster Teknologi di TPM




Pertumbuhan (2004 – 2011):
Bil. Syarikat Tempatan vs. Syarikat Multinasional



Kebanyakan syarikat multinasional mendapati TPM merupakan sebuah alamat korporat yang memberi nilai. Bagi tahun kewangan 2011, bilangan syarikat multinasional kekal pada 40 buah manakala bilangan syarikat tempatan telah mencatatkan peningkatan dari 126 buah kepada 146 buah.

Pekerja Pengetahuan

Bagi tahun 2011 sahaja, jumlah pendapatan yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat dari semua segmen di kampus TPM adalah sejumlah RM6.45 bilion. Jumlah ini turut memberi sumbangan kepada ekonomi Malaysia melalui peluang pekerjaan baharu di mana pada tahun 2010, sejumlah 6,118 pekerjaan berkemahiran telah dihasilkan. Pada tahun 2011, jumlah pekerja mahir adalah seramai 5,564 orang, iaitu menurun sedikit berbanding tahun terdahulu.





PENGURUSAN & PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Bagi tahun 2011, TPM terus menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Lima puluh orang telah diambil bekerja untuk mengisi pelbagai jawatan dalam pengurusan, teknikal dan pakar. Daripada 50 orang itu, 10% adalah untuk jawatan dalam bahagian pengurusan, 22% untuk jawatan eksekutif dan 68% untuk jawatan bukan eksekutif.

Untuk meneruskan komitmen kami dalam membangunkan modal insan, TPM telah menganjurkan beberapa program latihan dalam untuk modal insannya dan menyertai pelbagai program latihan, bengkel, persidangan dan seminar luar. Melalui 110 program latihan, 430 orang kakitangan telah dilatih dalam pelbagai bidang untuk meningkatkan keupayaan dan mengukuhkan perniagaan kami. 30% daripada kakitangan dilatih dalam pelbagai aspek teknikal dan selebihnya dalam kepimpinan, pengurusan dan kemahiran insaniah. TPM telah membelanjakan sebanyak RM571,000 untuk tujuan ini dan telah menggunakan Dana Pembangunan Sumber Insan (HRDF) berjumlah RM265,000 sepenuhnya.

Komitmen terhadap pembangunan modal insan ini tidak hanya terhad kepada kakitangan TPM sahaja tetapi juga dilanjutkan kepada komuniti. Untuk tujuan ini, TPM juga menyediakan program latihan sambil belajar dan latihan industri kepada mahasiswa institusi pengajian tinggi dalam pelbagai bidang. Untuk tahun 2011, TPM telah menawarkan 41 tempat kepada pelajar institusi pengajian tinggi dengan objektif untuk memberi pendedahan kepada persekitaran kerja yang sebenar kepada mereka.

SUBSIDIARI

TPM BIOTECH SDN BHD


Pada 2011, TPM Biotech meneruskan usahanya yang agresif dalam membangunkan industri bioteknologi herba. Program-program untuk usahawan bioteknologi telah dipertingkatkan dengan memasukkan modul kemahiran perniagaan dan keusahawanan ke dalam program sedia ada yang memberi tumpuan kepada penyediaan perkhidmatan pembangunan dan mengkomersilkan produk. Selain itu, TPM Biotech telah melaksanakan program pendekatan untuk mengkomersilkan produk berasaskan herba asli dan semula jadi dari masyarakat.

Bagi menghasilkan rantaian nilai keusahawanan komprehensif yang menyokong pertumbuhan mapan bagi industri herba, TPM Biotech telah memperkenalkan program pembangunan usahawan bioteknologi yang holistik bersama dengan IIC. Lima (5) program utama yang telah dibangunkan adalah:


- a Program pembangunan usahawan bioteknologi
- b Program pembangunan industri ubat tradisional
- c Program pembangunan usahawan mikro
- d Program perniagaan rantaian agro-bio
- e Program Klinik Usahawan Bioteknologi

TPM Biotech telah mengambil inisiatif ke arah mencapai matlamat ini dengan menyediakan prasarana pemrosesan dan pembangunan produk berasaskan herba seperti berikut:

Bil. Produk Dibangunkan



Pembangunan R&D Herba



34 — TPM Biotech telah menyertai dan menjalankan lebih daripada 20 acara dan bengkel pada tahun 2011 bagi faedah usahawan bioteknologi dan juga masyarakat. Berikut adalah senarai acara dan bengkel yang disertai dan dijalankan oleh TPM Biotech:


Bil	Program	Program Sampingan	Agensi/Kementerian
1	Bengkel Keusahawanan Biotek Herba	Bioprenuer Clinic Programme	PERDASAMA
2	Pemadanan Perniagaan KPDNKK 2011	Program Pembangunan Usahawan Bioteknologi	KPDNKK
3	Perasmian B.A.C Galeri Usahawan & Dialog dengan YB Menteri MITI	Program Pembangunan Usahawan Bioteknologi	MITI The Rights
4	Cadangan Pusat Pengumpulan Herba Dan Rempah Ratus Raub	Program Rantaian Perniagaan AgroBio	Jabatan Pertanian Pejabat Daerah Raub ADUN Batu Talam
5	Program Produk Malaysia Citarasa Kita (PMCK) anjuran KPDNKK	Program Pembangunan Usahawan Bioteknologi	KPDNKK
6	Mesyuarat Perniagaan dengan Misi PPerdagangan Farmaseutikal/ Ubat Korea 2011	Program Pembangunan Perniagaan	KOTRA
7	<ul style="list-style-type: none"> Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP) Program Pembangunan Pengeksport Wanita (WEDP) 	Program Pembangunan Usahawan Bioteknologi	MATRADE
8	Bengkel Keusahawanan Biotek Herba	Bioprenuer Clinic Programme	The Rights/MyIPO
9	Bengkel Keusahawanan Biotek Herba	<ul style="list-style-type: none"> Program Klinik Usahawan Bioteknologi Program Pembangunan Usahawan Bioteknologi 	BeisPro Sdn Bhd
10	Simposium Peluang Perniagaan dan pelaburan dalam Industri Herba	Program Pembangunan Perniagaan	Majlis Pembangunan ECER
11	Pemadanan Perniagaan MIHAS	Program Pembangunan Perniagaan	MATRADE
12	Pameran Koko, Kopi dan Pengguna 2011	Program Pembangunan Usahawan Bioteknologi	KPDNKK
13	Program Matrade Bersama Usahawan Dan Pengeksport (Pantai Timur)	Program Pembangunan Perniagaan	MATRADE

Bil	Program	Program Sampingan	Agensi/Kementerian
14	SMIDEX 2011	Program Pembangunan Perniagaan	SME Corp, MITI
15	Dialog Antarabangsa Langkawi	Program Pembangunan Perniagaan	Sekretariat LID
16	Program Matrade Bersama Usahawan Dan Pengeksport (Pulau Pinang)	Program Pembangunan Perniagaan	MATRADE
17	Pameran MySTI	Program Pembangunan Perniagaan	MOSTI
18	Karnival Usahawan Kedah 2011	Program Pembangunan Perniagaan	MITI
19	Bengkel Keusahawanan Biotek Herba	<ul style="list-style-type: none"> Program Klinik Usahawan Bioteknologi Program Pembangunan Usahawan Bioteknologi 	Persatuan e-Usahawan Wanita Malaysia (eWA)
20	Vitafoods Asia 2011	Program Pembangunan Perniagaan	TPM Biotech TPM Corp
21	Bengkel Usahawan bagi projek IbuTunggal	<ul style="list-style-type: none"> Program Klinik Usahawan Bioteknologi Program Pembangunan Usahawan Bioteknologi 	TPM Biotech
22	Bengkel Usahawan Perdasama HQ	<ul style="list-style-type: none"> Program Klinik Usahawan Bioteknologi Program Pembangunan Usahawan Bioteknologi 	TPM Biotech
23	HALFEST 2011	Program Pembangunan Perniagaan	MIHAS
24	Technopreneurship Innovation symposium & innovation (TISE)	Program Pembangunan Perniagaan	TPM Biotech IIC
25	Bengkel Usahawan Perdasama WPKL	<ul style="list-style-type: none"> Program Klinik Usahawan Bioteknologi Program Pembangunan Usahawan Bioteknologi 	TPM Biotech

Perkhidmatan Pengeluaran


Sebagai sebahagian daripada janji kami untuk memudahkan pembangunan usahawan bioteknologi herba, TPM Biotech terus menyediakan perkhidmatan pengeluaran untuk mengeluarkan produk yang boleh dipasarkan yang mematuhi standard industri menurut pelan dan keperluan pemasaran masing-masing. Carta di bawah menunjukkan statistik bilangan Usahawan dan Jumlah Jualan oleh Usahawan yang telah dibantu.

Jumlah Usahawan



TPM Biotek telah membantu usahawan mengeluarkan produk mereka dengan melaksanakan model kecekapan kos untuk membolehkan usahawan-usahawan ini memulakan perniagaan mereka serta-merta. Model ini membantu para usahawan untuk menumpukan terhadap usaha pemasaran dan pembangunan perniagaan mereka dengan lebih berkesan. Carta di bawah menunjukkan jumlah formulasi dan pembangunan produk yang dijalankan oleh TPM Biotek bagi membantu para usahawan ini.

Jumlah Formulasi dan Pembangunan Produk



Kesan Pertumbuhan Ekonomi dan Kesejahteraan Komuniti

Semua aktiviti dan program yang telah dilaksanakan oleh TPM Biotech berjaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan komuniti seperti berikut:

a Peningkatan dalam Permintaan Herba

Aktiviti pemprosesan herba di TPM Biotech menjadikan pembekalan bahan mentah herba meningkat, di mana, pada tahun 2011, TPM Biotech telah memproses pelbagai bahan mentah herba berjumlah 129 tan, menokok daripada 20 tan pada tahun 2007. Kenaikan ini juga menyumbang kepada perolehan dan pertumbuhan ekonomi tempatan.

b Peningkatan dalam Penglibatan Komuniti dalam Industri Herba dan Bioteknologi

Pada tahun 2011 sahaja, seramai 243 orang usahawan dan syarikat herba telah menerima perkhidmatan daripada kemudahan yang disediakan oleh TPM Biotech dan menyumbang sebanyak RM 43,685,000 kepada pendapatan negara.

c Peningkatan Jumlah Produk Asas-Herba

TPM Biotek telah membangunkan lebih daripada 165 jenis produk berasaskan herba pada 2011 bagi usahawan untuk memasuki pasaran industri berasaskan herba.

TPM COLLEGE SDN BHD

Permintaan Berterusan bagi Kursus Jangka Pendek TPMC

TPM College terus menarik permintaan bagi kursus khususnya dalam bidang teknikal dan bukan teknikal. Peralatan berkualiti tinggi dan kemudahan latihan yang terdapat di TPM College cukup untuk menyokong latihan dan program pembangunan. Antara kursus jangka pendek yang ada termasuklah program Bahasa Inggeris, CAD/CAM, Teknologi Elektronik Industri, Teknologi Pembikinan Logam, Teknologi Pemesinan, Teknologi Mekanikal Industri dan Bioteknologi Am.

Selain daripada menjadi Penyedia Latihan yang Diluluskan PSMB (Kategori A), TPM College juga dilantik sebagai Sistem Latihan Dwi Kebangsaan (NDTS) dalam bidang reka bentuk mekanikal, elektronik industri, pembungkusan semikonduktor dan elektronik optikal. Bagi Sijil Kemahiran Malaysia, TPM College juga dilantik sebagai penyedia latihan yang diluluskan untuk kursus-kursus pemesinan dan Pemesinan CNC.

Dalam bidang CAD/CAM, TPM College telah menganjurkan latihan kemahiran untuk 174 orang kakitangan dari industri untuk meningkatkan kemahiran sebagai sebahagian daripada inisiatif program pembangunan vendor pada tahun 2011. Terdapat 60 orang peserta untuk kursus CAD, 64 orang peserta untuk kursus CAD/CAM dan 50 orang peserta untuk kursus Model 3-D. Sepanjang kursus khusus ini, kakitangan yang bekerja untuk perniagaan kecil dan sederhana (SME) yang menyokong syarikat-syarikat automotif, telekomunikasi dan penjana kuasa telah meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang yang berkenaan.

Program Peningkatan Kemahiran Industri telah berjaya dilancarkan pada Disember 2011 dalam usaha kami untuk melengkapkan graduan

kejuruteraan yang masih menganggur dengan kemahiran kepakaran tambahan dalam bidang tumpuan baharu seperti Teknologi Tumpuan IP dan Kejuruteraan Pembangunan Produk IC. Program latihan sambil belajar merupakan segmen penting dalam kursus ini di mana peserta akan melalui sekurang-kurangnya empat bulan penempatan industri selepas dua bulan latihan kepakaran intensif. Sejumlah 75 orang mahasiswa akan dilatih melalui program ini. Lebih daripada 10 orang pakar industri dilantik sebagai pelatih sepanjang tempoh kursus ini.

Aktiviti Pelajar

Pada 2011, para pelajar telah menganjurkan Karnival Usahawan. Karnival tersebut dirasmikan oleh Encik Feriz Omar, Pegawai Khas kepada Timbalan Perdana Menteri. Persatuan Belia Muslim pula berjaya menganjurkan Ihya' Sunnah, iaitu program yang melibatkan lima buah sekolah berasrama dari Lembah Kelang untuk bersaing antara satu sama lain dalam bacaan Al-Quran, kuiz Pengajian Islam, nasyid dan syarahan. Antara orang terkenal yang terlibat dalam program ini ialah Imam Muda Asyraf dan Nazrey Johan, daripada kumpulan Raihan.

Upacara Penyampaian Ijazah & Penghargaan

Upacara Penyampaian Ijazah & Penghargaan ke-6 telah diadakan pada 12hb Julai 2011 di Bukit Jalil Golf & Country Resort. Para hadirin menyaksikan 35 orang graduan Diploma dan 114 orang pelajar yang telah lulus program ijazah berkembar 2+2 dengan California State Polytechnic University, USA. Pengerusi TPM, YB Dato' Nasarudin Hashim telah hadir untuk menyerikan lagi upacara gilang-gemilang ini.

TPM IT SDN BHD

TPM IT terus menyediakan jaringan rangkaian yang boleh diharapkan dengan menggunakan infrastruktur terkini yang berjaya dipasang di bawah inisiatif RMKe-9, dalam menyahut seruan kerajaan untuk merealisasikan potensi dalam usahanya untuk terus menggalakkan pembangunan industri perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar.

Teknousahawan di TPM kini mampu menikmati Jaringan Generasi Masa Depan (NGN) yang telah ditingkatkan melalui penggunaan Metro Ethernet (Metro-e) yang beroperasi menggunakan tulang belakang gentian dwigelang, yang memastikan kapasiti tinggi, kelewahan tinggi dan ketersediaan rangkaian yang tinggi ke seluruh kampus TPM. Infrastruktur ini direka bentuk secara khusus supaya modular, fleksibel dan berdaya tahan – untuk memastikan teknousahawan dan perniagaan dalam kampus mempunyai akses kepada perkhidmatan bersepadu ini.

Sehingga kini, lebih daripada 94 teknousahawan dan perniagaan dalam kampus sedang menikmati perkhidmatan bersepadu ini yang disediakan oleh TPM IT. Sejak 2011, TPM IT telah melakukan banyak peningkatannya dari segi infrastruktur ICT untuk menyediakan perkhidmatan yang inovatif – untuk menyediakan dan membolehkan teknousahawan memenuhi permintaan pasaran masa depan. TPM IT akan sentiasa meneroka teknologi ICT yang baharu dalam pelbagai platform yang antara lainnya.

Aktiviti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

1 Perkhidmatan dan Kemudahan TPMNET

- a Rangkaian Metro-Ethernet (Metro-E)**
Memudahkan lagi perkhidmatan ICT seperti jalur lebar internet, VLAN, ketersambungan gentian pengehosan web dan lokasi bersama bagi pelayan untuk penyewa dan teknousahawan TPM. TPM telah melancarkan Metro-Ethernet (Metro-E) menggunakan tulang belakang gentian dwigelang. Metro-E ini mampu menyediakan kapasiti lebih tinggi, kelewahan lebih tinggi, dan ketersediaan yang tinggi kepada semua bangunan yang terdapat dalam kampus TPM.
- b Ketersambungan Gentian (Gentian-ke-Pejabat)**
Menyediakan jalur lebar dan perkhidmatan yang diperlukan oleh penyewa TPM dengan infrastruktur rangkaian yang tepat. Kami menyediakan pelbagai penyelesaian berprestasi tinggi daripada masalah pinggirannya hingga kepada masalah teras untuk membantu klien memaksimumkan hasil dan menyelesaikan cabaran dalam perniagaan.
- c Jalur Lebar Internet**
 - Pembawa angkut balik dwiinternet
 - Akses internet khusus, sehingga 1 Gps.
 - Akses internet kongsi – 1.5 Mbps, 3 Mbps, 5 Mbps
 - Pengurusan jalur lebar
 - Jalur lebar atas permintaan
 - Memantau penggunaan jalur lebar internet

- d Perkhidmatan Pusat Data**
 - Perkhidmatan Lokasi bersama bagi pelayan dan pengehosan web
 - Ketersambungan internet, pembawa berbilang untuk kelewahan
 - Lengkap dengan akses keselamatan
 - Sumber kuasa – TNB, UPS, Generator dan Solar
- e Perkhidmatan Terurus**
 - Perkhidmatan kontrak penyelenggaraan ICT
 - Perkhidmatan penyelenggaraan sokongan rangkaian dan PC
 - Perkhidmatan berkaitan rangkaian – Rangkaian Kawasan Setempat Maya (VLAN)
 - Ketersambungan gentian khusus

TPM ENGINEERING SDN BHD

TPM Engineering menyokong industri tempatan terutamanya SME dan penyewa dengan menggunakan teknologi pembuatan paling maju untuk menghasilkan produk dengan elemen nilai tambah yang tinggi yang boleh bersaing di peringkat global.

TPM Engineering sentiasa mengekalkan reputasi dalam bidang teknologi yang menyediakan aplikasi dalam pengetahuan serta kaedah saintifik dan kejuruteraan yang digabungkan dengan kemahiran teknikal yang menyokong aktiviti kejuruteraan – sesuatu yang terletak dalam spektrum pekerjaan antara penulang dengan jurutera, pada hujung spektrum yang paling hampir dengan jurutera.

TPM Engineering dilengkapi dengan pelbagai kemudahan kejuruteraan pembuatan seperti peralatan reka bentuk CAD/CAM, mesin kawalan berangka berkomputer (CNC) dengan 2 hingga 5 paksi, kemudahan automasi dan robotik, fabrikasi logam kepersisan tinggi, acuan suntikan plastik, teraan persis dan kemudahan pemotongan laser.

Di bawah adalah senarai perkhidmatan kejuruteraan yang disediakan oleh TPM pada 2011.

Bil	Perkhidmatan Kejuruteraan	Bilangan Perkhidmatan Kejuruteraan pada 2011
1	Fabrikasi Logam	420
2	Pemesinan	180
3	Reka bentuk	120
4	Pembuatan Acuan	4
5	Pengacuan Suntikan	2
6	Penyelenggaraan & Pembaikan	5
7	Kawalan Kualiti	3
8	Perundingan	-
9	Perdagangan	-
10	Latihan	8
Jumlah		742

Perkhidmatan Pembuatan

Pembuatan Secara Kontrak terus menjadi salah satu daripada perkhidmatan yang paling menonjol bagi TPM Engineering. Dalam perkhidmatan ini, usahawan boleh menggunakan kemudahan pembuatan dalam perancangan mereka untuk mencipta atau menghasilkan produk baru ke dalam pasaran. Perkhidmatan ini membolehkan usahawan mengurangkan pelaburan awal yang diperlukan terutamanya untuk pembinaan kemudahan atau kilang bagi memenuhi pengeluaran awal, pembelian mesin dan peralatan pembuatan, tidak termasuk untuk mendapatkan sumber dan latihan pekerja mahir. Selain itu, TPM Engineering juga menyediakan perkhidmatan pembangunan produk seperti reka bentuk, pembangunan prototaip hingga kepada pengeluaran percubaan dan pemeriksaan kualiti.

Reka bentuk & Prototaip

Perisian CAD/CAM termaju TPM Engineering seperti SolidWorks, AutoCAD, MasterCAM dan NX berkeupayaan 5-paksi memberikan bantuan tambahan kepada teknousahawan dalam mereka bentuk dan membangunkan prototaip produk untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan mereka. Kemudahan ini dilengkapi dengan kemudahan metrologi termaju seperti pendigit, projektor berprofil dan mesin pengukuran koordinat.

Pembangunan dan Pembuatan Mesin CNC


Sejak 2003, TPM Engineering berjaya membangunkan dan menghasilkan 2 model mesin CNC yang telah dipasarkan untuk memenuhi pasaran domestik. Dengan kualiti mesin CNC yang selari dengan yang direka bentuk dan dibuat di peringkat antarabangsa, harga mesin CNC TPM Engineering adalah sangat kompetitif.

KESIMPULAN

TPM memainkan peranan penting dalam melakar persekitaran pembangunan usahawan teknologi. Kami terus menambahbaikkan dan meningkatkan kemudahan-kemudahan kami untuk memenuhi permintaan dan keperluan yang sejajar dengan evolusi teknologi global.


Kami juga melaksanakan inovasi daripada segi aktiviti pembangunan (selain daripada modal insan, kemahiran perniagaan, keupayaan teknikal dan peraturan yang berkaitan), demi menyediakan program pembangunan usahawan teknologi yang komprehensif dan holistik.

TECHNOLOGY PARK MALAYSIA CORPORATION SDN BHD KUMPULAN
Prestasi Kewangan Bagi Tempoh Berakhir 31 Disember 2011



TPM Corporation Sdn Bhd – Kumpulan melaporkan jumlah perolehan sebanyak RM116 juta berbanding RM108 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 7.3%. Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM12.2 juta berbanding RM9.7 juta pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan keuntungan sebanyak RM2.5 juta or 25.47%.


TECHNOLOGY PARK MALAYSIA CORPORATION SDN BHD
Prestasi Kewangan Bagi Tempoh Berakhir 31 Disember 2011



TPM Corporation Sdn Bhd mencatatkan jumlah perolehan sebanyak RM91.4 juta berbanding RM94.9 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 3.65%. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM10.5 juta berbanding RM10.4 juta pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan keuntungan sebanyak RM0.04 juta atau 0.43%.

42 — **TPM ENGINEERING SDN BHD**
Prestasi Kewangan Bagi Tempoh Berakhir 31 Disember 2011


-35.58% perolehan



TPM Engineering Sdn Bhd mencatatkan jumlah perolehan sebanyak RM5.04 juta berbanding RM7.8 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 35.58%. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM0.67 juta berbanding RM0.65 juta pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan keuntungan sebanyak RM0.02 juta atau 2.45%.

TPM IT SDN BHD
Prestasi Kewangan Bagi Tempoh Berakhir 31 Disember 2011


+511.80% perolehan



TPM IT Sdn Bhd mencatatkan jumlah perolehan sebanyak RM13.9 juta berbanding RM2.2 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 511.8%. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM0.57 juta berbanding RM0.65 juta pada tahun sebelumnya, iaitu penurunan keuntungan sebanyak RM0.08 juta atau 11.9%.

TPM BIOTECH SDN BHD
Prestasi Kewangan Bagi Tempoh Berakhir 31 Disember 2011


+2.46% perolehan



TPM Biotech Sdn Bhd mencatatkan jumlah perolehan sebanyak RM5.5 juta berbanding RM4.9 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 2.46%. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM0.1 juta berbanding RM0.05 juta pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan keuntungan sebanyak RM0.05 juta atau 90.57%.

TECHNOLOGY PARK MALAYSIA COLLEGE SDN BHD
Prestasi Kewangan Bagi Tempoh Berakhir 31 Disember 2011

+6.33% perolehan




TPM College Sdn Bhd mencatatkan jumlah perolehan sebanyak RM6.5 juta berbanding RM6.1 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 6.33%. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM0.15 juta berbanding RM0.10 juta pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan keuntungan sebanyak RM0.05 juta atau 46.46%.

MENJULANG TEKNOLOGI & INNOVASI

Pertalian inovasi saintifik

Memacu inovasi kebangsaan dan ekonomi berasaskan pengetahuan untuk menjana kekayaan dan kesejahteraan masyarakat.



PERKONSIAN MINDA

Intelek, Kreatif dan Inovatif

Menggalakkan dan merangsang masyarakat yang intelek, kreatif dan inovatif untuk pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan dengan mewujudkan persekitaran yang kondusif.



MEMAJUKAN INOVASI MELALUI SASARAN

TPM sentiasa menitikberatkan masyarakat akar umbi untuk penambahbaikan keperluan berasaskan Sains, Teknologi dan Inovasi untuk masyarakat setempat. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan membawa inovasi tempatan dan teknologi kepada taraf yang lebih tinggi. Prinsip dasar kepada kejayaan inisiatif-inisiatif ini adalah komitmen yang jitu untuk meningkatkan kualiti hidup melalui program akar umbi. Untuk program-program ini mencapai sasaran yang telah dirancang, adalah penting dan utama bagi program-program ini dianjurkan dengan pelaksanaan teknologi tinggi.

Alat Kemudi (Red1)

Idea alat kemudi Red1 ini telah dicetuskan oleh seorang bekas nelayan, En. Ridzuan Hashim yang telah berkongsi pandangan tentang keberkesanan enjin bot 'ekor biawak' yang diguna pakai oleh nelayan kecil.

Sehingga kini, sebanyak 357 unit alat kemudi yang telah di inovasikan telah diedarkan kepada nelayan-nelayan seluruh negara melalui project akar umbi yang dilaksanakan oleh MOSTI. Penambahbaikan yang berterusan sedang dijalankan untuk komponen yang lebih ringan dan peningkatan mekanisme juga sedang diuji untuk penambahbaikan produk alat kemudi ini. Ianya matlamat kami untuk mengkomersilkan produk yang mempunyai potensi untuk meningkatkan kualiti kehidupan nelayan di seluruh negara.

Manfaat Alat Kemudi Red 1

- Mudah untuk dikendalikan berbanding enjin 'ekor biawak'
- Mengurangkan tenaga kerja (mengurangkan kos)
- Mudah dikendalikan terutamanya di jeti
- Kadar petrol mingguan yang rendah sebanyak RM50 berbanding dengan kadar RM25 sehari untuk enjin sangkut biasa
- Boleh digunakan di air cetek di mana enjin sangkut biasa tidak dapat beroperasi

Jentera 5 Dalam 1 Untuk Pesawah Bendang

Idea yang diilhamkan daripada seorang petani dari Sabah telah menarik perhatian TPM. Hasil daripada idea tersebut, sebuah jentera 5 dalam 1 yang di inovasikan khas untuk membantu pesawah di bendang. Dengan adanya jentera 5 dalam 1 tersebut, ia mampu meningkatkan hasil tuaian sehingga tiga kali setahun.

Sehingga kini, TPM telah mengedarkan dua buah unit jentera 5 dalam 1 kepada pesawah di Sarawak dan inisiatif berterusan sedang dijalankan untuk menghasilkan lebih banyak lagi jentera untuk diedarkan di Sabah dan Sarawak.



Decarbonizer

Idea untuk menghasilkan Decarbonizer ini berasal apabila masalah yang dihadapi oleh pemilik bot dalam mengekalkan enjin diesel lama yang digunakan untuk menggerakkan bot nelayan mereka diselubungi masalah yang berterusan. Enjin lama yang menggunakan bahan api yang lebih dan memancarkan gas yang berbahaya kepada alam sekitar. Cadangan telah disarankan kepada bahagian kejuruteraan TPM untuk menghasilkan alat yang boleh meningkatkan proses pembakaran, mengurangkan pelepasan gas berbahaya dan penggunaan bahan api yang cekap.

TPM telah menghasilkan 50 set Decarbonizer yang dipasang ke dalam 50 bot nelayan di Dungun, Terengganu. Maklum balas kepada TPM adalah kadar penurunan yang signifikan dan kadar penurunan gas sebanyak 60% dan pengurangan penggunaan bahan api antara 15% hingga 25%.

Composter

Mesin komposter telah diperkenalkan oleh seorang usahawan yang telah memabangunkan mikrob untuk mengarang sisa makanan. Idea yang diinspirasi untuk mesin ini adalah untuk mempercepatkan proses kompos dan untuk menghasilkan produk yang boleh digunakan sebagai baja.

Sumber Handal, syarikat yang telah dibangunkan mikrob telah mengamanahkan TPM untuk menghasilkan, mengeluarkan, dan menjalankan ujian dan operasi mesin komposter yang diberi bernama 'Compostech' - mesin yang boleh mengkompos sisa makanan dalam tempoh 24 jam. Melalui kejayaan TPM, sebanyak 13

mesin dengan kapasiti kompos sebanyak 250kg telah dihantar kepada pelanggan seperti PLUS, UiTM, Sri Pushpam, Universiti Teknologi Petronas dan Setia Mall Alam. Sekarang ini TPM giat menjalankan pemasaran di pasaran yang mempunyai potensi untuk diterokai.

Pondok Sistem Telefon Wayarles

Idea untuk pembangunan pondok telefon tanpa wayar diperkenalkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Udara X. Mereka telah menggabungkan kepakaran dalam telekomunikasi dengan keupayaan dalam TPM untuk merekabentuk, dan membangunkan gerai sistem telefon tanpa wayar. Teknologi Wi-Fi telah digunakan dalam operasi dan mereka telah berjaya memasang dan menghantar lebih dari 10 set sistem terutamanya di sekitar Lembah Klang.

Produk telefon tanpa wayar ini mempunyai kelebihan yang tersendiri di mana kerja penyelenggaraan kurang diperlukan berbanding dengan sistem wayar tembaga biasa yang kini digunakan di negara ini.

Kios Sistem Solar Pintar

Marwan Ma'som seorang usahawan membangunkan idea kiosk teknologi pintar hijau yang dijana oleh sistem solar untuk peniaga-peniaga kecil. Idea bagi kiosk pintar itu berasal dari masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil terutama dalam memacu sistem pencahayaan mereka yang kini menggunakan set penjana mudah alih yang dikuasakan oleh petrol yang tidak mesra alam dan berbahaya dari segi pengeluaran gas. Pondok ini juga dilengkapi dengan monitor LED, kipas dan lampu yang dikuasakan oleh sistem solar.



KIRI
Alat Enjin Kemudi Bot Red 1

ATAS
De Carbonizer

SOROTAN PUSAT INKUBASI INOVASI

Program Inkubasi dan Pembangunan Usahawan Teknologi telah melaksanakan tidak kurang daripada 24 buah program sepanjang tahun 2011, di mana anggaran seramai 1,030 orang usahawan teknologi, termasuk peserta Pusat Inkubasi Inovasi (IIC) telah mendapat faedah.

Pada tahun 2012, penekanan telah diberikan untuk memudahkan akses kepada dana dan pasaran bagi usahawan teknologi, memandangkan kebanyakan pelanggan IIC berada pada peringkat mengkomersilkan produk dan sokongan dalam dua bidang ini adalah sangat diperlukan.

Selain daripada membantu memudahkan akses kepada dana dan pasaran, program inkubasi lain yang dilaksanakan termasuklah:

- Program bimbingan;
- Penambahbaikan akses kepada teknologi dan perkhidmatan pakar; dan
- Meningkatkan kesedaran tentang penggunaan IP.

PROGRAM BIMBINGAN

Program Latihan & Mentor untuk Vendor Bumiputera

Program Latihan dan Mentor untuk Vendor Bumiputera disusun untuk memberikan dan melengkapkan para vendor syarikat induk yang dilantik dengan pengetahuan dan kemahiran yang mereka perlukan bagi menghadapi realiti dunia perniagaan selain membantu mereka mencapai pertumbuhan perniagaan yang mapan.

Tujuh buah syarikat induk (Tenaga Nasional Berhad, Perodua, Petronas, Modenas, Boustead, KTMB dan Proton) telah mencadangkan 20 vendor mereka untuk menyertai program selama enam bulan. Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada pihak pengurusan kanan 20

vendor yang terlibat telah menjalani enam modul pembangunan perniagaan yang komprehensif berikut:

- i Visi Perniagaan & Set Minda Usahawan
- ii Pengurusan Kewangan dan Dana
- iii Untuk Pemasaran Pintar Perniagaan
- iv Pengurusan Jualan
- v R&D dan Pembangunan Produk
- vi Strategi Perniagaan dan Perancangan

Selepas tamat enam bulan, 3 buah syarikat terbaik akan dipilih berdasarkan komitmen dan penambahbaikan perniagaan secara keseluruhan mereka. Anugerah telah disampaikan semasa Hari Penerimaan Anugerah yang dirasmikan oleh YB Dato' Nasarudin Hashim, Pengerusi TPM.

Program Latihan Eksekutif untuk Vendor Bumiputera

Program ini merupakan kesinambungan Program Latihan dan Mentor di mana kandungannya disusun untuk para eksekutif dan bukannya kumpulan pengurusan kanan vendor. Seramai 20 orang eksekutif daripada syarikat vendor yang terlibat telah mendaftar untuk menghadiri kursus ini.

Para peserta telah menjalani program latihan selama empat bulan dengan matlamat membawa perubahan secara keseluruhan kepada syarikat vendor. Pada penghujung bulan keempat, tiga orang peserta terbaik telah dipilih dan anugerah telah disampaikan semasa Hari Penerimaan Anugerah pada bulan September 2011, bersempena dengan Hari Penerimaan Anugerah Program latihan dan Mentor bagi Vendor Bumiputera.

PROGRAM AKSES DANA

Hari Terbuka Inovasi Usahawan Teknologi

Sempena dengan skim dana baru yang diumumkan pada tahun 2011, IIC telah menganjurkan Hari Terbuka Inovasi Usahawan Teknologi: Pesta Dana pada 18 Mei 2011 bertempat di Tingkat Bawah, Pusat Sumber. Acara tersebut menampilkan barisan tujuh orang penceramah daripada institusi dana dan agensi kerajaan yang telah berkongsi maklumat tentang pelbagai dana yang ada bagi para usahawan teknologi. Selain daripada sesi forum dan seminar, sebanyak 15 buah agensi lain telah turut serta dalam sesi perbincangan bersama. Antara agensi yang terlibat termasuklah Malaysian Debt Ventures, Cradle Fund Sdn Bhd, Malaysian Technology Development Corporation dan SME Corporation Malaysia.

Kesemua 270 orang peserta yang hadir dalam acara ini menyatakan bahawa mereka telah mendapat banyak faedah dan meminta lebih banyak acara seperti ini diadakan di masa akan datang.

Latihan MSC Malaysia Innotech

MSC Malaysia telah menganjurkan program MSC Malaysia Innotech: Menjana Idea Masa Depan pada 11 dan 12 Oktober 2011, di mana syarikat-syarikat yang terpilih akan memperkenalkan perniagaan masing-masing kepada kumpulan modal usaha niaga tempatan dan antarabangsa. Lapan daripada peserta inkubator terbaik telah dipilih oleh MDeC untuk membuat pra-pengenalan kepada mereka. Sebelum sesi pra-pengenalan, IIC telah menjalankan sesi latihan kepada lapan buah syarikat ini bagi melatih mereka tentang cara meningkatkan persembahan mereka berdasarkan peraturan persembahan "10-20-30" oleh Guy Kawasaki. Daripada lapan buah syarikat, tiga telah terpilih untuk memasuki sesi pengenalan sebenar dengan kumpulan pembiaya modal usaha niaga.

BAWAH
'Coaching for Pitching'
11 Ogos 2011,
Resource Centre





Sesi Taklimat Cradle Fund

Pada 16 Mac 2011, 2 orang wakil daripada Cradle Fund telah menyampaikan taklimat kepada para inkubator IIC tentang jenis-jenis dana yang disediakan oleh Cradle Fund. Sejumlah 17 orang usahawan teknologi telah menghadiri sesi taklimat separuh hari ini.

Latihan Peribadi

Selain menganjurkan seminar am/taklimat/forum mengenai dana, IIC turut melaksanakan sesi latihan peribadi yang melibatkan para peserta inkubator mengenai isu dana, sama ada menyentuh tentang bagaimana mencari dana untuk projek semasa mereka, bagaimana mengisi borang permohonan dan kebanyakannya adalah menjalankan latihan persembahan sebelum ditemu ramah oleh institusi dana.

SESI PEMADANAN PERNIAGAAN SASARAN

Tidak kurang daripada 10 pepadanan perniagaan sasaran telah dilaksanakan pada tahun 2011. Selepas beberapa sesi rundingan, IIC telah mengenal pasti keperluan sebuah syarikat inkubator dan memadankannya dengan agensi/organisasi yang berkaitan. Pepadanan perniagaan melibatkan agensi tempatan dan antarabangsa serta dalam kedua-dua sektor awam dan juga swasta.

Sidang Kemuncak Usahawan Muda APEC 2011 (APEC YES 2011)

Bermula 18 – 20 Oktober 2011, IIC bersama dengan tiga usahawan bimbingannya telah menyertai Sidang Kemuncak Usahawan Muda APEC 2011: Membina Nilai Ekonomi melalui Inovasi, iaitu sebuah pameran yang dianjurkan oleh Dewan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (IMCC) yang berlangsung di Berjaya Times Square Hotel.

MYSTI 2011

Pameran berlangsung dari 27 – 30 Julai 2011 di Kuala Lumpur Convention Centre. Pameran ini dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang mengumpulkan MOSTI serta agensi, rakan kerjasama dan rakan kongsinya di bawah satu bumbung. Selain itu, acara ini juga adalah untuk memperkenalkan kemajuan sains dan teknologi yang dicapai oleh syarikat Malaysia. 2 buah syarikat inkubator telah dipilih untuk menyertai pameran ini.

MENGGOMERSILKAN TEKNOLOGI & AKSES KEPADA PAKAR

Hari Terbuka Inovasi Usahawan Teknologi II: Laluan ke arah Pengkomersilan

IIC bekerjasama dengan UniKL British Malaysian Institute untuk menggalakkan para akademik mengkomersilkan hasil kajian R&D mereka, sama ada melalui penyertaan dalam bidang perniagaan atau melesenkan teknologi mereka kepada pihak yang berminat untuk mengkomersilkan hasil kajian mereka. Pada 13 Disember 2011, sesi seminar sehari telah dianjurkan untuk 40 orang penyelidik UniKL BMI. Antara tajuk yang disentuh termasuk cara mengkomersilkan, dana yang ada bagi tujuan mengkomersilkan serta penghasilan kekayaan melalui pengewangan IP. Di sebelah tengah hari pula, satu sesi meluaskan rangkaian hubungan antara para penyelidik dan industri telah diadakan, di mana 4 orang pensyarah telah membentangkan kajian semasa mereka.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Kem Inovasi “Saya seorang Usahawan Teknologi”

IIC telah bekerjasama dengan Uncle Bugs Creation Sdn Bhd menganjurkan “Kem Inovasi Saya seorang Usahawan Teknologi” pada 3 Disember 2011 di Pusat Sains Negara. Acara bertujuan menggalakkan pemikiran kreatif dan inovasi di kalangan kanak-kanak dan pada masa yang sama memupuk minat keusahawanan di kalangan mereka. Seramai 32 orang kanak-kanak berumur antara 8 – 14 tahun telah menyertai acara ini.



PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN

Jaminan kualiti

Penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan dengan menyediakan infrastruktur, peralatan dan kemudahan canggih.



TEKNOKEUSAHAWANAN

Program Khusus

Memupuk perusahaan berasaskan pengetahuan dengan menyediakan perkhidmatan program, kepakaran, kemudahan, peralatan dan sokongan.



54 **PENCAPAIAN PELAKSANAAN PRORAM SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI TAHUN 2011**

Program/Aktiviti Utama	Hasil/Impak
Program Pembangunan Menyeluruh Usahawan Tekno <ul style="list-style-type: none"> • Seminar/"Workshop" Pembangunan Usahawan • Pelbagai Bidang cth. Seminar Harta Intelek, "Coaching" dsb. 	Pencapaian/Pengeluaran a Pengeluaran 1 Bilangan usahawan tekno/incubatee yang dibangunkan: 79 usahawan b Pengeluaran 2 Program 'handholding' secara 'coaching, mentoring, training & consultancy' yang dianjurkan: 83 program Hasil/Impak Peningkatan kesedaran terhadap kepentingan Harta Intelek "Venture Capital", Pelan Perniagaan dsb. oleh usahawan
Latihan Teknikal TPME Kawalan 'corrossion', blasting' dan kimpalan, CAD/CAM, 'Solidwork Design' dsb.	Pencapaian/Pengeluaran 353 pekerja mahir di hasilkan/di latih Hasil/Impak Peningkatan kualiti produk serta pengurangan tahap "rejection" bagi produk – produk yang di hasilkan oleh usahawan
Pembangunan Usahawan – Usahawan Herba Melalui Program – Program Seperti <ul style="list-style-type: none"> • Program Pembangunan Biopreneur • Program Pembangunan Industri Perubatan Tradisional • Program Pembangunan Usahawan Mikro • Program Perniagaan Rangkaian Agro Bio • Program Klinik BioUsahawan 	Pencapaian/Pengeluaran a Pengeluaran 1 Jumlah usahawan di lahirkan: 106 usahawan b Pengeluaran 2 Bilangan produk herba yang dihasilkan: 103 produk Hasil/Impak Penghasilan/pengkomersilan secara GMP produk – produk herba tradisional
Bengkel Teknologi Perniagaan Inovasi (BTPI): Penggunaan Maklumat Paten: Cara berkesan untuk penyelesaian cabaran teknikal	Pencapaian/Pengeluaran 84 usahawan yang mengikuti program TBIW Hasil/Impak Memupuk kesedaran tentang kepentingan penggunaan maklumat paten digunakan dalam perniagaan
Forum Inovasi Teknologi Perniagaan (FITP): Ramalan Revolusi Teknologi - Kejayaan Strategik, Peluang Perniagaan dan Peluang Perniagaan dan Transformasi Global	Pencapaian/Pengeluaran 114 usahawan yang mengikuti program TBIF Hasil/Impak Memupuk kesedaran kepada peserta forum tentang revolusi teknologi dan peluang perniagaan dlm jangkaan 5 tahun akan datang

LAWATAN

Jumlah : 19 Lawatan

a 10 Lawatan Delegasi Asing

21 Januari 2011
Khorgoz Free Economic Zone Kazakhstan

11 April 2011
Universiti Pertanian Faisalabad, Pakistan

14 April 2011
Univesitas Andalas, Sumatera Indonesia

28 April 2011
Beijing Scientific and Technical Cooperation Centre

25 Mei 2011
Nanyang Technopreneurship Center Singapore

8 Jun 2011
Ministry of Industrial & Mines, Iran

10 Jun 2011
Isfahan Science & Technology Town, Iran

10 Jun 2011
Uganda National Council for Science and Technology

22 Jun 2011
Ministry of Science and Technology of Mozambique

20 Jun 2011
African Delegates cum Participants of LID2011

22 Jun 2011
Ministry of Science and Technology of Mozambique

22 Nov 2011
SME Corp, 3rd Country Training Program

b 2 Lawatan Media
13 January 2011
Kumpulan Pengarang Berita Harian

3 March 2011
Kumpulan Pengarang BERNAMA

c 5 Lawatan dari Pihak Kerajaan/ Agensi/Kementerian

6 April 2011
Parti Bersatu Sabah

23 Mac 2011
Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B Tan Sri Muhiyiddin Yassin

29 Mac 2011
BiotechCorp

19 Mei 2011
PERHEBAT dan MINDEF

12 Julai 2011
KLSCCI

d 1 Lawatan Institusi

11 Julai 2011
Universiti Kuala Lumpur

PELANCARAN/MOA/MOU**Jumlah : 7 Program****4 April 2011**

Majlis Pertukaran Memorandum Persetujuan antara TPM Biotech dan IHI

21 April 2011, Makassar, Indonesia

Pelancaran Produk Paliasa

4 Mei 2011, TPM

Majlis Tandatanganan Persefahaman diantara TPM College dan UNITEN

30 Mei 2011, MATRADE, KL

Majlis Pertukaran Memorandum Persetujuan antara TPM Biotech dan HDC

29 Jun 2011,

Majlis Pelancaran dan Pertukaran Memorandum produk Magna Mission

2 November 2011, TPM

Majlis Pertukaran Memorandum Persetujuan antara TPM Biotech dan AT Lab

9 November 2011, TPM

Maljjs Pelancaran GeneNews

ANUGERAH**Jumlah : 2 Program****28 Julai 2011, Shangri-La Hotel, KL**

ISQ Award

23 Mac 2011

The Brandlaureate Awards 2010 – 2011

AKTIVITI KORPORAT/PAMERAN/PROMOSI**Jumlah : 36 Program****19 Januari 2011, Raub, Pahang**

Mini Seminar Sehari Kluster Herba & Rempahan Bagi Perancangan Program Pembangunan 2011

11 – 13 Februari 2011, Mid Valley

KPDNKK Business Matching

3 Mac 2011, TPM

Knowledge Sharing & Networking

19 Mac 2011, TPM

TPM College's Grand E-Day Carnival

6 – 7 April 2011, KL Convention Center

4th World Halal Research Summit 2011

7 April 2011, TPM

Hari Terbuka Usahawan Tekno

20 April 2011, TPM

Technology Business Innovation Workshop

18 Mei 2011, TPM

Technopreneur Innovation Open Day

21 – 22 Mei 2011, Marudu, Sabah

Pesta Keamatan Peringkat Daerah

27 Mei 2011, Putrajaya

MITI Bersama Usahawan Bersempena Perhimpunan Belia 1 Juta

30 – 31 Mei 2011, Penampang Kedah

Pesta Keamatan Peringkat Negeri Sabah 2011

7 – 9 Jun 2011, KL Convention Center

SMIDEX 2011

18 – 21 Jun 2011, Putrajaya International

Convention Center

Langkawi International Dialogue 2011

30 Jun 2011, Mid Valley Exhibition

& Convention Center, KL

SME Solutions Expo 2011

12 Julai 2011, TPM

TPM College Graduation & Appreciation Day

12 – 16 Julai 2011, PWTC

Halfest 2011

19 – 21 Julai 2011, UPM

Pameran Rekapicta

22 – 24 Julai 2011, Kedah

Karnival Usahawan Kedah

23 Julai 2011,

Adtec Shah Alam Open Day

29 – 31 Julai 2011, KLCC

MySTI Expo

17 Ogos 2011, TPM

Halal Technology Course

7 – 10 September 2011, KL Convention Center

IGEM 2011

15 – 18 September 2011, Sarawak

Sarawak Trade Expo 2011

20 September 2011, TPM

Graduation Day for Coaching and Mentoring Vendors Under Bumiputra Vendor Development Program

28 – 29 September 2011

D.A.R.E BizStart Showcase '11

1 Oktober 2011, Saujana Hotel

Hari Keluarga TPM

18 – 20 Oktober 2011,

Berjaya Convention Center

APEC YES '11

21 Oktober 2011, TPM

Technology Business Forum

1 November 2011, TPM

3rd Technopreneurship & Innovation Symposium & Exhibition (TISE)

9 November 2011, TPM

GeneNews Launching

12 – 13 November 2011, Kota Marudu

Pesta Jagung

15 – 16 November 2011, PWTC

NICE & KLI

18 – 20 November 2011, PWTC

BN Youth Fair '11

21 – 23 November 2011, TPM

GeneNews Launching

22 – 25 November 2011, SME Corp

SME Open Week

21 – 23 November 2011, KL Convention Center

BioMalaysia 2011

3 – 4 Disember 2011, Pusat Sains Negara

Festival Sains

PERKEMBANGAN PENGETAHUAN

Meningkatkan pengetahuan

Strategi perniagaan dan teknologi dengan menjalin hubungan antara institusi penyelidikan, akademia komuniti, kewangan dan industri, tempatan dan global.



